

Sultan kesal sikap biadab pemimpin politik luar

4

Ahli MMKN junjung titah Sultan

4

100 hari tunai lima tawaran penting

4

Edar Hadis 40 Imam Nawawi ke sekolah

19

# selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 17 - 30 OGOS 2023

www.selangorkini.my

## Tumpu kemajuan, perkukuh ekonomi

MUKA  
2

Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan menyampaikan watakah pelantikan jawatan Dato' Menteri Besar kepada Dato' Seri Amirudin Shari di Istana Alam Shah, Klang pada 21 Ogos 2023.  
Foto RADIN WAZIR

► BERITA MUKA 2



### Cabaran MB teraju gandingan muka lama, baharu

Bekas Speaker dan tiga wakil rakyat pertama kali dibantu EXCO berpengalaman

8, 10, 12, 13, 15 & 16



### Inovasi ekonomi perkasakan rakyat

Pakar ekonomi Dr Nungsari Ahmad Radhi kupas dasar pembangunan negara

6



## MB pengerusikan MMKN pertama

**SHAH ALAM** - Dato' Menteri Besar memengerusikan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) bagi penggal baharu pentadbiran Selangor pada 23 Ogos.

Dato' Seri Amirudin Shari tiba di aras 20 bangunan pentadbiran Kerajaan Negeri di sini kira-kira jam 10 pagi dan disambut 10 ahli MMKN baharu.

Dimulakan dengan bacaan doa, mesyuarat sulung berkenaan diteruskan dengan sesi angkat sumpah watakah pelantikan dan kerahsiaan oleh kesemua ahli MMKN di hadapan Amirudin.

Pada 21 Ogos, Amirudin mengumumkan pelantikan bekas speaker, Ng Suee Lim dan enam muka baharu selain mengekalkan tiga EXCO berpengalaman.

## Henti fitnah tutup sekolah agama

**SHAH ALAM** - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari meminta semua pihak tidak mengulangi fitnah kononnya lebih 200 sekolah agama persendirian di negeri ini akan ditutup.

Menegaskan tohmahan itu tidak berasas, beliau menjelaskan isu tersebut telah dijawab Kerajaan Negeri pada Julai lalu.

"Hentikan fitnah yang diulang-ulang. Telah dijawab semasa bulan Julai, dakwaan lebih 200 sekolah agama ditutup di Selangor fitnah dan tidak berasas," katanya di Twitter pada 16 Ogos.

Julai lalu, Amirudin menegaskan tiada satu pun notis merobohkan mana-mana sekolah agama persendirian dikeluarkan pentadbiran negeri seperti dakwaan pihak tertentu.

Sebaliknya, Kerajaan Negeri berusaha menambah baik garis panduan pusat pendidikan agama bagi memastikan tahap keselamatan murid terjamin.

Usaha berkenaan dibuat berasaskan titah Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor berikutan tragedi kebakaran pusat tahfiz pada 2018 yang meragut 23 nyawa dan mencederakan lima murid.

# Amirudin teraju penggal kedua

**KLANG** - Ahli Dewan Negeri Sungai Tua Dato' Seri Amirudin Shari mengangkat sumpah jawatan Dato' Menteri Besar buat penggal kedua di Istana Alam Shah di sini pada 21 Ogos.

Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Angkat Sumpah Dato' Menteri Besar Selangor dilakukan di hadapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bermula jam 11.22 pagi.

Amirudin, 43, turut menandatangani surat pelantikan serta melafazkan ikrar Aku Janji merangkumi beberapa perkara yang perlu dipenuhi dan dipatuhi sepanjang memegang jawatan tersebut.

Istiadat turut disaksikan Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Tengku Amir Shah.

Amirudin yang juga pengerusi Paka-

tan Harapan (HARAPAN) negeri dilantik semula jawatan itu selepas HARAPAN dan Barisan Nasional memenangi 34 daripada 56 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada pilihan raya negeri (PRN) 12 Ogos lalu.

Pada PRN itu, beliau mempertahankan kerusi Sungai Tua yang disandang sejak 2008 selepas menewaskan calon Perikatan Nasional Muhammad Hanif Jamaluddin dan G Suman (Bebas).

## Sultan titah pelihara perpaduan

# Henti main politik, tumpu ekonomi

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

**KLANG** - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor menitahkan semua pihak supaya tidak bermain politik keterlaluan sebaliknya membawa Selangor maju dari segi pembangunan dan ekonomi.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj juga mahu perpaduan dalam kalangan penduduk berbilang kaum terpelihara supaya seluruh rakyat hidup selesa serta menikmati kemakmuran berpanjangan.

"Cukup-cukuplah kita berpolitik, rakyat dah penat, Beta pun dah penat dengar. Bangunlah Ahli-ahli Yang Berhormat semua, fikirkanlah masa depan negeri, negara dan masa depan anak cucu kita," titah Baginda.

Baginda bertitah pada Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Ikrar Aku Janji Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) di Istana Alam Shah di sini pada 21 Ogos.

Sultan Selangor berharap Selangor bangkit dan maju dari segenap sudut termasuk pembangunan fizikal

serta kerohanian selain pertumbuhan ekonomi mampan demi kesejahteraan seluruh rakyat.

Baginda juga menaruh harapan tinggi supaya ahli MMKN memberi perkhidmatan cemerlang termasuk turun padang selain menjaga integriti dengan menjauhi rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

"Jauhilah diri dari segala perbuatan rasuah dan penyalahgunaan kuasa bagi kepentingan diri sendiri atau pihak-pihak tertentu semasa melaksanakan tugas mentadbir negeri," titah Baginda.

# Segera atasi isu rakyat, sara hidup

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor menitahkan Kerajaan Negeri untuk memberi tumpuan kepada usaha pemulihan ekonomi dan kos sara hidup rakyat.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah isu berkenaan perlu diberi keutamaan bagi mengelak rakyat terbeban dengan kemelesetan ekonomi yang mencabar ketika ini.

Baginda juga berharap kerajaan yang dibentuk segera mengatasi ke-

pincangan yang ada dalam kehidupan rakyat di Selangor khususnya dari segi infrastruktur dan pembangunan.

"Adalah menjadi keutamaan Beta agar pihak kerajaan menyelesaikan segera masalah berkaitan kehidupan harian rakyat," titah Baginda di Istana Alam Shah, di sini pada 21 Ogos.

Sultan Sharafuddin juga mahu Kerajaan Negeri memberi penekanan terhadap isu banjir yang sering melanda dengan membuat rancangan jangka

pendek, sederhana dan panjang.

Baginda bertitah kerajaan perlu memenuhi keperluan rakyat dan tidak hanya berbangga dengan pencapaian ekonomi pesat dan status negeri kaya.

"Beta menaruh harapan yang tinggi untuk Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bagi memberi perkhidmatan yang cemerlang dengan turun ke padang bagi melihat sendiri keadaan pembangunan yang dirancang dan sedang berjalan," katanya.

# EXCO gandingan muka lama, baharu

**KLANG** - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengumumkan bekas speaker dan enam muka baharu dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Ng Suee Lim yang menjadi wakil rakyat Sekinchan selama lima penggal digabungkan dengan enam muka baharu termasuk tiga lagi yang pertama kali dipilih sebagai Ahli Dewan Negeri (ADN).

Mereka ialah Anfaal Saari (Taman Temple), V Papparaidu (Banting) dan Dr Mohammad Fahmi Ngah (Seri Setia).

Datuk Rizam Ismail (Sungai Air Tawar),

Najwan Halimi (Kota Anggerik) dan Jamaliah Jamaluddin (Bandar Utama) pula pertama kali dilantik selepas berkhidmat sebagai wakil rakyat penggal lalu.

EXCO yang berpengalaman penggal lalu dan dikekalkan ialah Ng Sze Han (Kinrara), Ir Izham Hashim (Pandan Indah) dan Borhan Aman Shah (Tanjong Sepat).

Sepuluh ADN itu mengangkat sumpah jawatan sebagai ahli MMKN di hadapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj pada 21 Ogos.

Mengikuti komposisi parti, ahli-ah-

li MMKN terdiri daripada empat wakil rakyat DAP, tiga (Parti Keadilan Rakyat), dua (Parti Amanah Negara) dan seorang (Barisan Nasional).

Istiadat tersebut diadakan kira-kira seminggu selepas Baginda berangkat pulang dari luar negara bagi menjalani rawatan.

Pada 23 Ogos, Amirudin mengumumkan portfolio semua Ahli MMKN bagi pentadbiran penggal ini.

**SENARAI PORTFOLIO EXCO MUKA 8, 10, 15 dan 16 ▶**

IMBAS DI SINI akhbar digital minggu lepas





# Pembina negara baharu untuk Malaysia

Satu upacara ulang tahun ke-50 mengenang pemergian mantan Timbalan Perdana Menteri Tun Dr Ismail Abdul Rahman telah diadakan di Dataran Merdeka pada 2 Ogos lalu.

Dalam banyak-banyak acara yang telah saya hadiri, upacara ini adalah satu daripada acara yang penuh bermakna: Malaysia kini sedang mencari pembina negara, buat kesekian kalinya, dan kisah hidup serta legasi Tun Dr Ismail merupakan rujukan utama bagi mengisi potensi para pembina negara ini.

Dalam ucapan yang lahir daripada suara hatinya tanpa merujuk kepada teks ucapan yang disediakan kepadanya di upacara itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim menyatakan bahawa sifat integriti, bersih dan ketokohan Tun Dr Ismail telah membayangi dan melindungi negara.

Mengingat kembali zaman beliau menjadi pemimpin pelajar pada awal dekad 1970-an, Anwar mengatakan beliau tidak takut untuk tegas bersuara di hadapan Perdana Menteri pada masa itu, Tun Abdul Razak Hussein atau mana-mana pemimpin lain. Tetapi dengan Tun Dr Ismail, beliau terpaksa menyusun kata mempamerkan rasa hormat. Begitulah ketokohan Tun Dr Ismail.

Allahyarham Tun Dr Ismail meletakkan negara di atas segala-galanya. Beliau sanggup kembali bertugas selepas tragedi 13 Mei 1969 walaupun telah meletak jawatan sebagai menteri pada 1967 kerana keadaan kesihatannya yang tidak memuaskan.

Iltizamnya untuk memastikan Malaysia menjadi sebuah negara pelbagai kaum yang berkongsi matlamat serta tujuan terbukti dengan usahanya menggubal serta mempromosikan Rukun Negara.

Syukurlah Kerajaan Perpaduan hari ini yang dipimpin oleh Anwar memberi keutamaan kepada usaha mengenang jasa Tun Dr Ismail.

Walaupun Malaysia mempunyai ramai tokoh politik, tidak banyak yang disanjung kerana integriti, wawasan pelbagai kaum, keberkesanan dalam pentadbiran dan minda strategik dalam geopolitik dan hal-ehwal dunia. Semua sifat, ilmu dan kemahiran ini ada pada Tun Dr Ismail.



Malaya dan Malaysia lahir di tengah-tengah kancah Perang Dingin, dan menangani geopolitik amat penting untuk 'survival' negara. Di sinilah letaknya kehebatan Tun Dr Ismail.

Allahyarham merupakan Duta Malaya ke Amerika Syarikat yang pertama dan juga wakil pertama negara ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kisah ini dinyatakan dengan lengkap dalam buku karya Datuk Dr Ooi Kee Beng yang bertajuk "Malaya's First Year at the United Nations: As Reflected in Dr Ismail's Reports Home to Tunku Abdul Rahman".

Saya meminati serta mengetahui dengan lebih mendalam mengenai legasi Tun Dr Ismail melalui persahabatan saya dengan Dr Ooi yang turut menulis buku "The Reluctant Politician: Tun Dr. Ismail and His Time" yang telah diterjemahkan dengan tajuk "Bukan Kerana Pangkat: Tun Dr Ismail dan Masanya".

Melalui Dr Ooi, saya mengenali Taufik, anak sulung Tun Dr Ismail yang juga pernah menjadi seorang Ahli Parlimen.

Pada 2005, tidak lama selepas saya pulang dari Australia setelah menamatkan pengajian, saya diperkenalkan kepada Dr Ooi. Beliau berada di Kuala Lumpur pada masa itu untuk mewawancara beberapa



kawan dan kenalan Tun Dr Ismail.

Saya pula, melalui perkenalan itu, ditawarkan menjadi Felo di Yusof Ishak Institute of Southeast Asian Studies, Singapura.

Saya masih ingat bagaimana saya membaca buku *The Reluctant Politician* pada penghujung Disember 2006 di mana ia menjadi buah mulut pembaca di Malaysia dan Singapura pada minggu pertama bulan Januari 2007.

Akhbar *New Straits Times*, pada masa itu di bawah pimpinan Datuk Kalimullah Hassan, dan *Straits Times* Singapura saban hari menyiarkan petikan daripada buku tersebut. Buku itu juga dicetak beberapa kali pada awal 2007.

Para pembaca tertarik dengan legasi Tun Dr Ismail ketika negara berada dalam suasana yang panas pada masa itu. Harapan yang rakyat sandarkan kepada Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi sudah mula pudar, malah semakin mengecewakan.

Penyelidikan yang Dr Ooi lakukan untuk menyiapkan buku tersebut memberi gambaran yang jelas tentang tokoh yang selama ini hanya diketahui namanya daripada singkatan TTDI atau Taman Tun Dr Ismail, sebuah kawasan perumahan elit

di ibu kota.

Buku itu juga mengingatkan mereka yang pernah mengenali tokoh tersebut bahawa dalam politik memang akan tetap ada orang yang baik, politik masih membuka ruang untuk mereka yang mahu menyumbang kepada negara, dan membina negara bukan sesuatu yang sia-sia, malah ia merupakan satu usaha yang berbaloi di Malaysia.

Setelah 16 tahun buku *The Reluctant Politician* diterbitkan, Malaysia kini mempunyai satu peluang keemasan untuk membina semula negara melalui Kerajaan Perpaduan pimpinan Anwar.

Melihat kepada Tun Dr Ismail sebagai 'role model', Perdana Menteri telah menyatakan hasrat untuk mencari dan membimbing generasi baharu yang akan menjadi pembina negara.

Semoga mereka yang berhati bersih berjiwa murni seperti Tun Dr Ismail ada dalam politik hari ini, dan sanggup berganding bahu untuk sama-sama membina masa hadapan yang lebih baik untuk semua rakyat Malaysia.

**LIEW CHIN TONG**

Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)





## Garis tiga dasar depan cabaran

**SHAH ALAM** - Dato' Menteri Besar menggariskan tiga dasar yang harus dilaksanakan dalam penggal ini bagi meneruskan kecemerlangan dan pembangunan negeri.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata asas pertama merupakan pelaksanaan segala rangka dan dasar yang dirancang seperti Rancangan Selangor Pertama (RS-1) dan Iltizam Selangor Penyayang (ISP) sekali gus memberi manfaat kepada rakyat.

Jelasnya, usaha meneruskan kesinambungan itu tidak hanya melibatkan pentadbiran tertinggi sahaja tetapi harus disokong penjawat awam, anak syarikat dan golongan akar umbi.

"Kedua kesediaan kita bertindak sebagai pasukan. Selepas faham segala dasar, sikap bekerja sebagai pasukan penting. Semua kena tahu tugas masing-masing sama ada persekutuan atau negeri kerana rakyat melihat kerajaan, bukan mengikut jabatan.

"Untuk jadikan kita lebih hebat dan padu dalam melaksana tugas serta tanggungjawab, tanamkan semangat cintai, sayangi dan patriotik kepada negara dan negeri.

"Selain dasar, fahamkan juga sejarah dan latar belakang untuk kita kekalkan keharmonian. Ini tiga cara asas untuk kita terus maju dan bawa Selangor sebagai negeri gemilang," katanya pada 22 Ogos.

## Bela rakyat rentas pegangan politik

**SHAH ALAM** - Kerajaan Perpaduan Selangor akan membela segenap lapisan rakyat tanpa mengira pegangan politik, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

"Tiada sesiapa akan ditinggalkan. Kita perkukuhkan muafakat untuk memakmurkan negeri dan menyejahterakan rakyat," katanya di Facebook pada 14 Ogos.

Pakatan Harapan (HARAPAN) dan Barisan Nasional (BN) Selangor menang 34 daripada keseluruhan 56 kerusi untuk kembali membentuk kerajaan dengan majoriti mudah.

Amirudin menjelaskan keputusan tersebut mendekati dua pertiga majoriti jika menang empat lagi kerusi yang tewas dengan majoriti tipis iaitu bawah 500 undi.

Kerusi tersebut ialah Taman Medan yang kalah dengan majoriti 30 undi, Gombak Setia (58 undi) dan Sungai Kandis (167 undi) dan Dengkil (407 undi).

# EXCO baharu junjung titah Sultan

**KLANG** - Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang baharu dilantik bertekad menggalas tanggungjawab sebaik mungkin demi rakyat dan kemajuan Selangor.

Ia selaras titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj yang mahu pentadbiran ini membawa Selangor maju daripada segi pembangunan dan ekonomi.

Mohd Najwan Halimi (Kota Anggerik) berkata teguran Baginda supaya semua pihak berhenti bermain politik akan dipatuhi selain memberi tumpuan terhadap tugas diamanahkan.

"Saya pastinya akan mengambil

tanggungjawab ini sebaiknya demi menjunjung titah Tuanku untuk sama-sama membangunkan Selangor, jaga kebajikan rakyat dan melonjakkan ekonomi negeri.

"Tuanku pesan kurangkan berpolitik kerana pilihan raya sudah selesai. Ini masanya untuk mula bekerja dan melaksanakan yang terbaik supaya Selangor menjadi contoh kepada negeri lain," katanya pada 21 Ogos.

Anfaal Saari (Taman Templer) pula menganggap titah Baginda peringatan kepada wakil rakyat supaya keluar zon selesa dan bekerja dengan lebih keras untuk rakyat dan negeri.

"Kita perlu beri tumpuan dan melakar strategi semula untuk membangunkan Selangor selain memelihara integriti, turun padang serta menyelesaikan isu kos sara hidup rakyat," katanya.

Jamaliah Jamaluddin (Bandar Utama) pula berazam memainkan peranan penting bagi membantu rakyat dan memacu kemajuan negeri walau menjadi antara ahli MMKN termuda penggal ini.

"Saya menghormati titah Tuanku dan insya-Allah akan cuba sedaya upaya memahami gerak kerja sebagai EXCO seterusnya tidak mengecewakan pimpinan serta pengundi."

## Sultan titah jangan heret institusi diraja

# Kesal sikap biadab pemimpin politik

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

**KLANG** - "Ingatlah jangan kerana kita menyangka bahawa kita cukup popular di kalangan rakyat sehingga bertindak memperlekehkan sesiapa yang tidak sehaluan dengan fahaman politik masing-masing, malah sanggup pula hadir ke Selangor dengan melempar cacian melampaui batas."

Demikian titah Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj dalam Istiadat Pengurniaan Surat Cara Pelantikan dan Ikrar Aku Janji Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 21 Ogos.

Baginda merujuk insiden penggunaan kata-kata kesat dan biadab sebahagian kelompok masyarakat termasuk pemimpin parti politik yang mengheret institusi raja menjelang kempen pilihan raya negeri.

"Sikap biadab mereka ini telah melangkaui batas-batas dan nilai keperibadian orang Islam dan Melayu yang sering dipelihara," titah Baginda di Istana Alam Shah di sini.

Justeru, Sultan Sharafuddin mengingatkan semua pihak supaya memelihara adab dan susila orang Melayu ketika berkunjung ke negeri atau rumah orang lain.

"Ke mana hilang budi bahasa? Ini

bukan budaya kita khususnya orang Melayu untuk menghina sesiapa pun khususnya di khalayak ramai," titah Baginda lagi.

Sultan Selangor menyeru semua pihak menghentikan budaya cacu-mencaci yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat dan menumpukan usaha memaju kehidupan rakyat dan memakmurkan negara.

Baginda juga mengajak golongan Melayu-Islam supaya mengelak persengketaan sesama sendiri yang membawa kepada perpecahan masyarakat dan memberi imej buruk kepada agama.

# 100 hari tunai lima tawaran penting

**SHAH ALAM** - Kerajaan Perpaduan di Selangor akan terus melaksanakan manifestonya dalam tempoh 100 hari dengan mengutamakan lima tawaran penting:

- Menghargai wanita bekerja dengan pemberian RM1,000 kepada 5,000 wanita bagi mengurangkan kos penjagaan anak-anak.

- Melaksanakan pengecualian cukai pintu untuk rumah kampung dan rumah kos rendah.

- 1,000 mahasiswa Negeri Selangor akan terima baucar buku Kita Selangor bernilai RM200

- Menaikkan elaun imam (RM1,600), bilal (RM700) dan siak (RM500).

- 500 petani, pesawah dan nelayan akan terima Insentif Pertanian dan

Perikanan Kita Selangor berjumlah RM1,000.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata, Kerajaan Negeri perlu tangkas, cekap dan berwibawa selain cecal menghadapi cabaran dalam usaha mengangkat Selangor dan rakyatnya ke tahap lebih gemilang.

WAKTU SOLAT	24 - 30 OGOS 2023 7 - 13 SAHAR 1445	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
24 Khamis	5:51	6:01	7:09	1:19	4:31	7:24	8:34	5:52	6:02	7:10	1:19	4:32	7:24	8:34	5:53	6:03	7:10	1:21	4:33	7:26	8:37	
25 Jumaat	5:51	6:01	7:08	1:18	4:30	7:23	8:34	5:52	6:02	7:10	1:19	4:32	7:23	8:34	5:53	6:03	7:10	1:21	4:33	7:26	8:36	
26 Sabtu	5:51	6:01	7:08	1:18	4:30	7:23	8:33	5:52	6:02	7:09	1:19	4:31	7:23	8:33	5:53	6:03	7:10	1:20	4:32	7:25	8:36	
27 Ahad	5:50	6:00	7:08	1:18	4:29	7:23	8:33	5:52	6:02	7:09	1:18	4:30	7:23	8:33	5:53	6:03	7:10	1:20	4:31	7:25	8:35	
28 Isnin	5:50	6:00	7:08	1:17	4:28	7:22	8:32	5:51	6:01	7:09	1:18	4:29	7:22	8:32	5:53	6:03	7:09	1:20	4:30	7:25	8:35	
29 Selasa	5:50	6:00	7:08	1:17	4:27	7:22	8:32	5:51	6:01	7:09	1:18	4:28	7:22	8:32	5:52	6:02	7:09	1:19	4:29	7:24	8:34	
30 Rabu	5:50	6:00	7:07	1:17	4:26	7:22	8:31	5:51	6:01	7:08	1:17	4:28	7:22	8:31	5:52	6:02	7:09	1:19	4:28	7:24	8:34	



JOM RIUH BERSAMA

# DISCOVER PKNS 59TH ANNIVERSARY

25.26 & 27 OGOS  
2023 KOMPLEKS PKNS  
SHAH ALAM  
JUMAAT, SABTU & AHAD  
9 PG - 7 MLM



## CABUTAN BERTUAH

JOM BERSAMA KAMI MERAIKAN **ULANGTAHUN KE-59 PKNS** YANG MENJANJIKAN PELBAGAI AKTIVITI MENARIK UNTUK ANDA DAN KELUARGA.



Imbas untuk penyertaan  
DISCOVER PKNS RACE



☎ 03 5525 0300

pkns.gov.my

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor  
PKNS OFFICIAL

**PKNS**  
HOMES



# Lonjak inovasi ekonomi Malaysia dapat perkasakan rakyat dan negara ini

**K**etika melancarkan inisiatif Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat pada 27 Julai lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada awal ucapannya, menggariskan dua fokus utama, Ekonomi Madani bertujuan menstrukturkan semula ekonomi agar Malaysia kembali menjadi peneraju ekonomi Asia dan kualiti hidup rakyat terus diangkat melalui peningkatan pemacu ekonomi, menggalakkan pelaburan dan memperkukuh industri tempatan supaya lebih inovatif dan berdaya saing serta mampu dilonjakkan ke pasaran global. Untuk mengupasnya dengan lebih mendalam, ikuti temu ramah khas dengan ahli ekonomi **DR NUNGSARI AHMAD RADHI**, berkaitan Ekonomi Madani dan bagaimana ia dikatakan dapat memperkasakan rakyat dan negara ini.

**Dalam erti kata mudah bagi pemahaman rakyat, apakah itu Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat, dan apakah manfaat yang ia boleh bawa kepada rakyat marhaen?**

Pertama sekali kita harus faham apakah yang dimaksudkan dengan Ekonomi Madani?

Ekonomi Madani bertolak daripada satu falsafah bahawa pembangunan dan pertumbuhan ekonomi adalah berpunca daripada faktor kemasyarakatan, nilai dan norma masyarakat.

Oleh itu, sesuatu konsep dan dasar pembangunan ekonomi perlulah berlandaskan faktor kemasyarakatan, yakni faktor-faktor ketamadunan yang dianjurkan oleh Malaysia Madani.

Sebab itulah Ekonomi Madani menekankan soal nilai dan pembangunan serta kawalselia institusi dalam masyarakat – institusi kemasyarakatan mahupun institusi ekonomi.

Aspek ketamadunan ini adalah juga selari dengan asas pembentukan Malaysia seperti yang diharapkan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra dan terkandung di dalam Perlembagaan Malaysia.

Kita juga mengambil iktibar daripada dasar lampau yang semuanya berhasrat untuk membangunkan Malaysia tetapi telah gagal untuk mencapai matlamat yang diharapkan; daripada Wawasan 2020 ke Model Ekonomi Baru – semata-mata bermatlamatkan sasaran kuantitatif pertumbuhan bukan sahaja menyebabkan sasaran itu tidak tercapai, malah pertumbuhan yang tercapai adalah juga tidak teragih dengan saksama.

Jadi kita harus bertanya, apakah matlamat asas Ekonomi Madani?

Menyedari akan ekonomi negara berada di atas satu landasan yang semakin



perlahan, kadar pertumbuhannya, yang semakin meruncing, ketidaksamaan agihan pendapatan/kekayaannya serta ekonomi yang kelemahan daya saing untuk menarik keyakinan pelabur, kerangka Ekonomi Madani bermatlamat melakukan reformasi untuk mengalih ke landasan yang lebih baik.

Yang bukan sahaja mengembalikan kecergasan ekonomi negara tetapi juga menjaga pertumbuhan yang meningkatkan kesejahteraan rakyat dan daya saing negara.

Kerangka Ekonomi Madani ialah membina semula Rumah Malaysia dengan mengukuhkan asasnya, meningkatkan lantainya, meninggikan silingnya serta membangunkan tiangnya.

Asasnya ialah kerangka tadbir urus dan kawalselia. Lantainya ialah usaha membekalkan jaringan keselamatan sosial kepada seluruh rakyat. Silingnya ialah usaha menjaga pertumbuhan dan daya saing negara. Tiangnya ialah penggerak Rumah Malaysia – sektor awam, sektor swasta serta sektor ketiga yang akan ditekankan oleh dasar ini – iaitu sektor sukarela (bukan untuk keuntungan) dan amanah/wakaf.

**Ada pakar-pakar ekonomi yang berkata, Ekonomi Madani tidak ada banyak bezanya dengan Model Ekonomi Baru (MEB) yang diketengah oleh bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak, dan kedua-keduanya tidak membawa faedah kepada rakyat. Apakah pandangan ini bernas, dan jika tidak, apakah pendekatan Ekonomi Madani yang berbeza dengan Model Ekonomi Baru?**

Saya tak nak respon kepada fakta yang mereka guna (daripada DOSM) adalah ala-

san untuk wujudkan Ekonomi Madani. Yang kita sangkal ialah dakwaan mereka yang mengatakan Ekonomi Madani adalah sama dengan MEB.

MEB bukan berteraskan aspek ketamadunan dan kemasyarakatan. Ia juga tidak dilaksanakan dengan betul. Najib melaksanakan ETP (Program Transformasi Ekonomi) yang berteraskan projek, bukan MEB.

Rakyat Malaysia sudah biasa mendengar saban tahun bahawa ekonomi negara, atau dalam terma teknikalnya Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), mengembang tiap-tiap tahun. Namun, manfaatnya tidak dapat dirasai oleh rakyat yang berhadapan dengan cabaran kehidupan harian.

Apakah sebabnya ini terjadi dan adakah Ekonomi Madani mempunyai solusi untuk ketidakselarasan antara KDNK dan kualiti hidup rakyat?

Perdana Menteri sendiri menggunakan alasan ini – apa guna pertumbuhan yang tidak saksama agihan manfaatnya? Sudahlah semakin perlahan, tidak saksama pula agihannya. Inilah antara premis Ekonomi Madani yang saya jelaskan di atas.

Jika kita melihat kepada kegiatan ekonomi yang menjaga pertumbuhan, kita saksikan beberapa ciri yang boleh menjelaskan tahap gaji yang keseluruhannya rendah serta taburan manfaat yang tidak seimbang.

Pertamanya, ekonomi negara masih tersangkut kepada kegiatan seperti perladangan dan sektor komoditi – satu warisan penjajahan di mana kegiatannya menggunakan modal/teknologi yang sedikit, tanah yang luas dan tenaga kerja yang ramai.

Ini menyebabkan pendapatan yang diagihkan kepada buruh dalam bentuk upah

adalah rendah. Sektor pembuatan juga banyak yang hanya melibatkan pemasangan di mana nilai tambahnya adalah rendah. Oleh itu, gajinya juga adalah rendah.

Begitu juga sektor pembinaan di mana penggunaan teknologi adalah rendah dan gajinya rendah. Tambahan pula, pekerja asing berkemahiran rendah dimasukkan dengan begitu ramai yang juga menekankan lagi upah.

Sektor perkhidmatan di Malaysia pula – kecuali yang melibatkan pelancongan – adalah sektor yang bergantung kepada permintaan domestik semata-mata.

Pasaran domestik yang tahap pendapatan yang tidak tinggi, kuasa beli yang tidak tinggi. Kita masuk dalam satu kitaran yang menjadikan ekonomi kita semakin domestik yang bergantung kepada permintaan domestik yang pendapatan tidak tinggi dan upah tidak tinggi.

Selagi kita tidak mengubah struktur ini, memperbaiki daya saing negara, meningkatkan kehadiran syarikat Malaysia di pasaran antarabangsa, membesarkan perdagangan luar negara, selagi itulah kita tidak boleh meletakkan Malaysia di landasan baharu, landasan yang lebih memanfaatkan rakyat dan yang membina kesejahteraan negara amnya.

Satu lagi masalah besar yang dihadapi rakyat adalah kos makanan yang mencanak naik. Walaupun Kerajaan Madani sering menghebahkan penguncupan inflasi selepas penukaran kerajaan, hakikatnya apabila terdapat inflasi, harga makanan dan barang asas masih lagi meningkat. Apa yang kerajaan boleh buat untuk menurunkan kos sara hidup rakyat?

Fenomena inflasi punya pelbagai punca. Pertamanya ini adalah fenomena global

yang disebabkan oleh peperangan Rusia-Ukraine yang sekaligus menjejaskan perdagangan makanan dunia serta kenaikan kadar faedah yang mendadak di Amerika Syarikat (AS).

Ini menyebabkan kadar tukaran dolar mengukuh berbanding mata wang lain termasuk Ringgit Malaysia (RM). Akibatnya, semua nilai barangan/perkhidmatan yang diimport telah naik harga.

Oleh kerana Malaysia mengimport begitu banyak makanan, harga makanan telah naik.

Fenomena inflasi ini sudah memuncak. Tekanan harga untuk meningkat lagi telah berkurangan tetapi harga telah pun naik di masa lepas.

Antara yang telah dilakukan untuk mengawal inflasi ialah kerajaan bertindak dengan berhemah supaya pasaran punya keyakinan dengan masa depan negara.

Antara lain, kerajaan telah menekankan soal tadbir urus dan memperbaiki pengurusan kewangannya. Pelancaran Ekonomi Madani juga merupakan satu usaha meletakkan segala inisiatif kerajaan di dalam satu kerangka yang menyeluruh.

Jika tidak, pelabur akan keluaran duit serta tidak melabur di Malaysia yang akan melemahkan lagi RM.

Secara langsung kerajaan juga masih lagi mengawal harga siling barangan asas. Tambahan pula subsidi harga masih lagi diteruskan. Selain itu, kumpulan yang disasarkan menerima bantuan tunai untuk menampung kehilangan kuasa beli akibat inflasi.

Yang penting ialah kerajaan perlu menguruskan ekonomi untuk menjana pertumbuhan yang bermakna akan mewujudkan pekerjaan supaya sekurang-kurangnya ada pekerjaan dan gaji.

Nilai matawang ringgit yang lemah berbanding 10 hingga 20 tahun lepas turut mendorong kepada kenaikan harga makanan kerana kebergantungan tinggi Malaysia dengan barang makanan dari negara luar.

Jadi, adakah Ekonomi Madani dapat membantu menguatkan semula nilai ringgit, dan apa pendekatan Ekonomi Madani untuk mengurangkan kos makanan?

Saya sudah cakap faktor jangka pendek yang mempengaruhi nilai RM. Dalam jangka panjang, nilai RM bergantung kepada permintaan terhadap RM. Apakah sebab orang atau syarikat mahu memegang RM? Jika sebabnya mengurang, nilainya juga mengurang.

Apa yang telah terjadi ialah dalam 20 tahun lepas, ekonomi Malaysia semakin berorientasikan domestik. Sumber pertumbuhan sebahagian besarnya adalah domestik. Sektor perkhidmatan, sektor terbesar hampir keseluruhannya domestik.

Perdagangan antarabangsa sebagai peratusan ekonomi telah menguncup. Sebelum krisis ekonomi Asia 1998, perdagangan adalah melebihi dua kali (200%) ganda saiz ekonomi, sekarang ia hanyalah 20% lebih besar.

Ini menyebabkan permintaan terhadap RM melalui perdagangan menguncup dan nilai RM melemah secara struktur. Selain itu, pasaran modal Malaysia, pasaran saham Malaysia juga telah kehilangan kepentingannya.

Bursa Kuala Lumpur bukan lagi pasaran saham yang utama di Asia seperti dahulu. Aliran masuk wang pun mengecil. Antara lain, Malaysia tidak melahirkan syarikat baharu yang menarik minat pelabur.

Selain itu aliran pelaburan langsung



## Yang penting ialah kerajaan perlu menguruskan ekonomi untuk menjana pertumbuhan yang bermakna akan mewujudkan pekerjaan supaya sekurang-kurangnya ada pekerjaan dan gaji

Dr Nungsari Ahmad Radhi

asing (FDI) juga telah mengecil secara relatif. Ini semua menyebabkan nilai RM telah jatuh dalam dua dekad ini.

Satu cara saja untuk menaikkannya secara struktur. Bangunkan syarikat yang berdaya saing yang boleh mengekspor di pasaran luar. Kita perlu untuk antarabangsakan ekonomi kita daripada PKE kepada syarikat besar.

Perkembangan perdagangan antarabangsa akan meningkatkan permintaan terhadap RM dan mengukuhkan nilainya. Itu ada dalam Ekonomi Madani. Apabila kita punya syarikat yang berdaya saing seperti itu, Bursa juga akan menjadi rancak dan menarik minat dan aliran wang masuk untuk naikan RM.

**Kerajaan baru-baru ini banyak membuat pengumuman tentang jumlah-jumlah FDI. Namun, hakikatnya, rakyat marhaen tidak dapat merasa manfaat pelaburan-pelaburan ini. Lebih-lebih lagi untuk kaum Melayu, yang ramainya masih menjadi pemandu Grab dan peniaga warung. Secara realistiknya, adakah rakyat biasa akan makin tertinggal jauh ke belakang jika Malaysia dinaiktaraf kepada ekonomi berpendapatan tinggi?**

Saya telah jelaskan sebahagiannya di atas tadi. Sememangnya sesuatu pelaburan terutamanya FDI yang besar akan mengambil masa untuk siap dan kemudiannya membuka peluang pekerjaan. Apa yang penting ialah persiapan dari segi kemahiran perlu ada untuk memenuhi permintaan syarikat ini nanti.

Sesungguhnya antara sebab utama pelabur melabur di Malaysia atau di mana-mana ialah kehadiran tenaga kerja mahir. Kalau tak cukup tenaga mahir, syarikat tidak akan mengembangkan perniagaan mereka di Malaysia.

Soal ramai remaja Melayu yang tidak menyambung pelajaran atau latihan kemahiran selepas meninggalkan sekolah adalah sangat membimbangkan.

Penyertaan di dalam ekonomi gig atau media sosial bukanlah satu kerjaya atau pun keusahawanan yang boleh berkekal. Memang betul fenomena pendigitalan termasuk kecerdasan buatan (AI) akan mengubah sifat pekerjaan dengan cara yang ketara, yang akan memupuskan pelbagai jenis pekerjaan tetapi apa yang jelas ialah mereka yang langsung tidak mempunyai kemahiran khusus atau pendidikan lanju-

tan akan dihukum dengan keras nanti.

Oleh sebab itulah itu Ekonomi Madani menekankan aspek kemasyarakatan untuk memperolehi hasil ekonomi. Semoga sikap yang sentiasa memperbaiki diri, belajar sepanjang hayat berleluasa di kalangan rakyat.

**Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ada menyentuh tentang mengembangakan perusahaan mikro kecil dan sederhana (PMKS). Bagaimana kerajaan dan Ekonomi Madani boleh membuat PMKS menjadi juara serantau?**

PM menekankan bersekali – mengantarabangsakan PMKS. Penekanan kepada PMKS serta perubahan untuk melihat semua jenis perniagaan atau keusahawanan sebagai sesuatu usaha yang berdaya saing untuk pasaran antarabangsa.

Penekanan kepada mengantarabangsakan PMKS bukan macam penekanan kepada melahirkan “jaguh serantau” yang lebih berorientasikan saiz. Ekonomi Madani meletakkan harapan untuk berinovasi dalam pembangunan produk kepada firma kecil, bukan firma besar. Jadi saiz bukan pengukurannya, kemampuan untuk berdaya saing menembusi pasaran luar adalah ukurannya.

Kerajaan telah banyak menandatangani pelbagai Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang melibatkan pelbagai negara. Akses kepada pelbagai pasaran ini sudah ada tetapi ia tidak dilihat sebagai sesuatu yang boleh memanfaatkan PMKS.

Ini harus berubah. Pada masa yang sama, kerjasama ekonomi dua hala yang lebih erat perlu diwujudkan dengan negara jiran, yang melampaui kerjasama peringkat ASEAN.

Menteri Ekonomi sudah umumkan penubuhan zon kerjasama ekonomi dengan Singapura misalnya. Zon ekonomi di mana terdapat pergerakan barangan dan pekerja yang bebas dengan semua negara berjiran dengan kita akan membuka pasaran dua hala ini.

**Ekonomi Madani menekankan aspek peningkatan gaji pekerja supaya menjadi komponen yang lebih besar dalam Keluaran Dalam Negera Kasar (KDNK) Malaysia. Dalam erti kata mudah, kerajaan mahukan gaji pekerja supaya naik lebih banyak. Apakah rancangan kerajaan untuk merealisasikan sasaran ini?**

Ekonomi Madani mensasarkan untuk naikan sumbangan upah kepada pendapatan. Selain melakukannya melalui perundangan seperti kadar upah minima, sebahagian besar usaha ini mestilah bertekankan produktiviti dan daya saing syarikat.

Ini memerlukan perubahan kepada apa yang syarikat buat. Kalau buat perladangan macam sekarang dengan keluasan 7 juta hektar, gaji tidak akan berubah. Boleh ubah setakat gaji minima.

Kalau ada inovasi, teknologi baharu yang memerlukan kurang pekerja untuk mengutip hasil, maka sudah tentu upah akan menjadi lebih tinggi. Kalau setakat jual barangan atau perkhidmatan kepada pasaran tempatan, gaji tidak akan naik banyak mana.

Kalau berdaya saing untuk menembusi pasaran luar yang sanggup bayar harga yang lebih tinggi, gaji akan naik. Oleh sebab itulah Ekonomi Madani meletakkan mengantarabangsakan PMKS sebagai agenda utama transformasi ekonomi. Syarikat Malaysia yang semata-mata jual di pasaran domestik akan hanya mampu membayar upah yang terhad.

**Ekonomi Madani bukanlah gagasan ekonomi Malaysia pertama yang membuah hasrat untuk meningkatkan kadar penyertaan tenaga kerja wanita. Apakah punca utama kadar penyertaan wanita sekarang ini rendah berbanding lelaki, dan apa yang Ekonomi Madani akan buat lain daripada kerangka dan visi ekonomi sebelumnya untuk menaikkan kadar penyertaan wanita?**

Bab kerangka ekonomi lampau sudah saya jawab. Mengenai kadar penyertaan wanita, ia bukan menurun. Ia rendah dan tidak meningkat. Walaupun kadar penyertaan kanak-kanak perempuan lebih tinggi daripada lelaki di sekolah dan penyertaan serta pencapaian wanita di IPT jauh lebih tinggi daripada lelaki, kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh adalah rendah. Lebih daripada itu, penyertaan wanita menurun apabila mereka mempunyai anak dan ia tidak meningkat kembali.

Akibatnya, Malaysia tidak menggunakan modal insannya yang terbaik di dalam ekonomi. Ini berkaitan sikap dan norma masyarakat. Tetapi sebab utama ialah peranan wanita sebagai ibu dan nilai pasaran wanita sebagai membesarkan anak tidak diambilkira.

Sokongan terhadap wanita bekerja yang mempunyai anak di tempat kerja adalah sangat berkurangan. Sikap majikan terhadap ibu yang melahirkan anak dan kemudian membesarkan anak itu adalah juga tidak menyokong malah mendiskriminasikan.

Oleh itu, Ekonomi Madani mencadangkan untuk menaikkan kadar penyertaan wanita dalam alam pekerjaan melalui proses perundangan dan insentif kepada majikan. Jika melahirkan anak dan membesarkannya adalah satu kegiatan yang punyai nilai ekonomi, undang-undang serta dasar hendaklah tidak mendiskriminasikan ibu yang bekerja.

Malah ibu yang bekerja perlu disokong untuk terus kekal bekerja melalui kemudahan penjagaan anak semasa kerja.

**Bolehkah rakyat menabur harapan supaya Ekonomi Madani menjadi realiti? Apakah risiko-risiko utama yang boleh menggagalkan kerangka Ekonomi Madani?**

Segala reformasi institusi serta ekonomi ini bukan mudah. Ia akan ditentang oleh mereka yang mempunyai kepentingan untuk mengekalkan status quo. Ia akan juga ditentang oleh mereka yang menentang semata-mata untuk menentang tanpa ada cadangan yang lebih baik.

Apa juga keputusan dasar akan ada harganya – ada ruginya, ada untungnya. Ada pihak yang beruntung daripada sesuatu keputusan, ada yang rugi. Tidak ada keputusan dasar yang tidak ada untung-ruginya. Kefahaman ini serta kemampuan untuk menilai fakta dan data adalah diperlukan untuk melalui proses reformasi ini.

Tanpanya, pengkritik yang menjanjikan semua yang enak akan mungkin berjaya untuk menggagalkan usaha ini.



**K**erajaan Perpaduan meneruskan pentadbiran di Selangor selepas memenangi pilihan raya negeri.

Atas rekod cemerlang penggal lalu, Dato' Seri Amirudin Shari diberi kepercayaan sekali lagi memegang jawatan Dato' Menteri Besar.

Sepuluh ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) yang dilantik itu gabungan pemimpin berpengalaman, termasuk bekas speaker Dewan Negeri Selangor, dan juga enam muka baharu.

Amirudin bersama barisan EXCO mengangkat sumpah jawatan di hadapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj di Istana Alam Shah, Klang pada 21 Ogos.

Selain melonjakkan lagi pembangunan negeri, barisan pemimpin ini bertekad melaksana lebih 50 janji manifesto Tawaran Kita Selangor: Lima Tekad Untuk Lima Tahun.

Dalam tempoh 100 hari, lima daripada tawaran akan dilaksanakan: pengecualian cukai pintu rumah kos rendah dan kampung, RM1,000 untuk kurang beban jaga anak, RM200 baucar buku untuk mahasiswa, menaikkan elaun imam, bilal dan siak, serta RM1,000 untuk petani.

Pengalaman dan latar belakang ringkas barisan 10 EXCO dimuatkan di **muka surat 10, 15 dan 16**.

## DATO' SERI AMIRUDIN SHARI, 43 tahun DATO' MENTERI BESAR

### Portfolio

- pembangunan tanah dan sumber alam
- kewangan dan tindakan ekonomi
- pemodenan pentadbiran dan digitalisasi kerajaan
- komunikasi strategik
- pendidikan dan pembangunan modal insan

### Pendidikan

- Sarjana muda sains pembangunan manusia Universiti Putra Malaysia

### Pembabitan politik

- Dato' Menteri Besar Selangor (2018-kini)
- Ahli Parlimen Gombak (2022-kini)
- pengerusi jawatankuasa tetap kewangan, ekonomi, pembangunan tanah, sumber alam, komunikasi strategik, pendidikan, pembudayaan inovasi, SMART Selangor dan pengurusan bencana (2018-2023)
- EXCO pembangunan insan, sukan, kebudayaan dan keusahawanan (2014-2018)
- Ahli Dewan Negeri Sungai Tua - (dahulu Batu Caves) (2008-kini)



- naib presiden KEADILAN (2022-kini)
- ahli Majlis Pimpinan Pusat KEADILAN (2009-kini)
- pengerusi HARAPAN Selangor (2018-kini)
- pengerusi Majlis Pimpinan KEADILAN Negeri Selangor (2018-kini)
- ketua cabang KEADILAN Gombak (2018-kini)

### Kerjaya/pembabitan sosial

- pengurus Persatuan Bola Sepak Selangor
- timbalan pengerusi Majlis Sukan Selangor
- penyelaras program Institut Kajian Dasar

**HARGA BUMIPUTERA**  
BERMULA DARIPADA **RM 475,200\***  
(Selepas 10% Diskaun Bumiputera)

SE-RUANG  
**Square**  
ECO SANCTUARY

**KEDAI  
PEJABAT  
STRATA**

---

**UNIT TERHAD**

ecoworld.my / +603 8688 2255

Eco Sanctuary Sdn Bhd (201401000413 (1076483-V))  
EcoWorld Gallery @ Eco Sanctuary  
Lot 41296, Persiaran Eco Sanctuary, 42500 Telok Panglima Garang, Selangor.



**duduk**  
ECOWORLD





# Sekalung Taheriah

**Y.A.B DATO' SERI AMIRUDIN SHARI**

Atas pelantikan sebagai

**DATO' MENTERI BESAR  
SELANGOR**

Ikhlas daripada



**#KitaSelangor**





**NG SZE HAN** 52 tahun  
**EXCO Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti**



**Portfolio**

- ▶ pelaburan dan perdagangan
- ▶ pembangunan IKS dan wilayah ekonomi baharu
- ▶ mobiliti Selangor
- ▶ pengerusi bersama jawatankuasa khas agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao Negeri Selangor (LIMAS)

**Pendidikan**

- ▶ Sarjana muda kejuruteraan elektrik Universiti Trine Indiana, Amerika Syarikat

**Pembabitan politik**

- ▶ EXCO kerajaan tempatan, pengangkutan awam dan pembangunan kampung baru (2018-2023)
- ▶ Ahli Dewan Negeri Kinrara (2013-kini)
- ▶ penolong bendahari DAP kebangsaan (2022-kini)
- ▶ setiausaha DAP Selangor (2021-kini)

**Kerjaya/pembabitan sosial**

- ▶ pengurus wilayah Asia Pasifik Augier SA

**IR IZHAM HASHIM** 61 tahun  
**EXCO Infrastruktur dan Pertanian**



**Portfolio**

- ▶ kemajuan infrastruktur
- ▶ pemodenan pertanian dan perladangan

**Pendidikan**

- ▶ Sarjana pentadbiran perniagaan Universiti Malaya
- ▶ Sarjana muda kejuruteraan sivil Universiti Newcastle Upon Tyne

**Pembabitan politik**

- ▶ EXCO infrastruktur dan pertanian (2018-2023)
- ▶ Ahli Dewan Negeri Pandan Indah (2018-kini)
- ▶ ahli Majlis Bandaraya Shah Alam (2008-2018)
- ▶ ahli Majlis Bandaraya Subang Jaya (2008-2018)
- ▶ bendahari agung Parti Amanah Negara (2022-kini)
- ▶ pengerusi Parti Amanah Negara Selangor (2022-kini)

**Kerjaya/pembabitan sosial**

- ▶ ahli Lembaga Urus Air Selangor
- ▶ ahli lembaga pengarah Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor
- ▶ ahli lembaga pengarah Landasan Lumayan Sdn Bhd
- ▶ jurutera Tenaga Nasional Bhd

**BORHAN AMAN SHAH** 61 tahun  
**EXCO Perumahan dan Kebudayaan**



**Portfolio**

- ▶ perumahan dan pembangunan bandar lestari
- ▶ kebudayaan, adat istiadat Melayu dan warisan

**Pendidikan**

- ▶ Diploma pentadbiran perniagaan

**Pembabitan politik**

- ▶ EXCO pembangunan luar bandar, kampung tradisi, adat istiadat, kebudayaan dan warisan (2020-2023)
- ▶ Ahli Dewan Negeri Tanjong Sepat (2018-kini)
- ▶ setiausaha politik Dato' Menteri Besar (2018-2020)
- ▶ setiausaha HARAPAN Negeri Selangor (2018-2022)
- ▶ timbalan pengerusi Majlis Pimpinan KEADILAN Negeri Selangor (2022-kini)
- ▶ naib pengerusi Majlis Pimpinan KEADILAN Negeri Selangor (2018-2022)
- ▶ setiausaha Majlis Pimpinan KEADILAN Negeri Selangor (2014-2018)
- ▶ ketua cabang KEADILAN Sepang (2010-kini)

**NG SUEE LIM** 53 tahun  
**EXCO Kerajaan Tempatan dan Pelancongan**



**Portfolio**

- ▶ pembangunan kerajaan tempatan
- ▶ pelancongan
- ▶ pembangunan kampung baru
- ▶ pengerusi bersama jawatankuasa khas agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao Negeri Selangor (LIMAS)

**Pendidikan**

- ▶ Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Klang

**Pembabitan politik**

- ▶ Speaker Dewan Negeri Selangor (2018-2023)
- ▶ Ahli Dewan Negeri Sekinchan (2004-kini)
- ▶ naib pengerusi DAP Selangor (2021-kini)
- ▶ setiausaha organisasi DAP Selangor (2015-2017)



# *Sekalung* **Tahniah**



## **Y.A.B DATO' SERI AMIRUDIN SHARI**

Atas pelantikan sebagai

### **DATO' MENTERI BESAR SELANGOR**

Ikhlas daripada



KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD.  
DAN ANAK SYARIKAT



**KSSB**  
CONSULT



Seltrade

**KUALA LANGAT**  
MINING

**Darul Khusus**  
Venture Sdn Bhd

**#KitaSelangor** **AQUASEL**



# AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PENGGAL KE-15



Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj  
bersama Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan

(depan, dari kiri) Borhan Aman Shah, Ng Sze Han, Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Haris Kasim, Penasihat Undang-Undang Negeri Dato' Salim Soib @ Hamid, Pegawai Kewangan Negeri Dr Ahmad Fadzli Ahmad Tajuddin  
(belakang, dari kiri) Anfaal Saari, Ng Suee Lim, Mohd Najwan Halimi, Ir Izham Hashim, Datuk Rizam Ismail, Dr Mohammad Fahmi Ngah, Papparaidu Veraman dan Jamaliah Jamaluddin

Foto oleh Radin Wazir



# Sekalung Taheriah

**Y.A.B DATO' SERI  
AMIRUDIN SHARI**

Atas pelantikan sebagai

**DATO' MENTERI BESAR  
SELANGOR**

Ikhlas daripada



**#KitaSelangor**





**DATUK RIZAM ISMAIL** 42 tahun  
EXCO Kemajuan Desa dan Perpaduan



**Portfolio**

- kemajuan desa dan luar bandar
- kemampanan kampung tradisi
- perpaduan nasional

**Pendidikan**

- Sarjana muda sains politik Kolej Universiti Lincoln

**Pembabitan politik**

- ketua pembangkang Dewan Negeri Selangor (2018-2023)
- Ahli Dewan Negeri Sungai Air Tawar (2018-kini)
- setiausaha politik menteri kewangan (2021-2022)
- ahli Majlis Kerja Tertinggi Umno (2020-kini)
- ketua pemuda Umno Selangor (2018-kini)
- ketua Umno Sabak Bernam (sejak 2023)

**MOHD NAJWAN HALIMI** 38 tahun  
EXCO Belia, Sukan dan Keusahawanan



**Portfolio**

- pembangunan belia dan kemajuan sukan
- pemberdayaan usahawan dan ekonomi kreatif
- pengurusan bencana

**Pendidikan**

- Sarjana pentadbiran perniagaan Universiti Putra Malaysia
- Sarjana muda kejuruteraan mekanikal Universiti Tenaga Nasional

**Pembabitan politik**

- Ahli Dewan Negeri Kota Anggerik (2018-kini)
- ketua Angkatan Muda KEADILAN Selangor (2019-2021)
- timbalan ketua cabang KEADILAN Shah Alam (2022-kini)

**Kerjaya/pembabitan sosial**

- timbalan pengarah Majlis Sukan Selangor
- pegawai tadbir dan diplomatik
- jurutera

**JAMALIAH JAMALUDDIN** 34 tahun  
EXCO Kesihatan Awam dan Alam Sekitar



**Portfolio**

- kesihatan awam
- alam sekitar, perubahan iklim dan teknologi hijau

**Pendidikan**

- Sarjana muda pengajian perniagaan, pentadbiran dan pengurusan Universiti Northwood, Amerika Syarikat

**Pembabitan politik**

- Ahli Dewan Negeri Bandar Utama (2018-kini)
- ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya (2016-2018)
- penolong setiausaha DAP Selangor (2021-kini)
- naib ketua jawatankuasa eksekutif DAP (DAPSY) Selangor (2018-kini)

**Kerjaya/pembabitan sosial**

- pegawai khas Ahli Dewan Negeri Damansara Utama
- pengurus akaun Ratera & Van Galen Sdn Bhd

**PAPPARAIDU VERAMAN** 48 tahun  
EXCO Sumber Manusia dan Pembasmian Kemiskinan



**Portfolio:**

- sumber manusia
- pembasmian kemiskinan
- hal ehwal orang Asal dan minoriti
- pengerusi bersama jawatankuasa khas agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Tao Negeri Selangor (LIMAS)

**Pendidikan**

- Sarjana muda pengajian liberal Universiti Terbuka Wawasan

**Pembabitan politik**

- Ahli Dewan Negeri Banting (sejak 2023)
- ahli Majlis Bandaraya Shah Alam (2008-2010 dan 2013-2023)
- timbalan setiausaha DAP Selangor (2021-kini)
- pengerusi cawangan DAP Taman Sri Muda (2006-kini)

**Kerjaya/pembabitan sosial**

- pengarah syarikat Veraman Construction Sdn Bhd



**DR MOHAMMAD FAHMI NGAH** 49 tahun  
EXCO Agama Islam dan  
Pembudayaan Inovasi



**Portfolio**

- hal ehwal agama Islam
- industri halal
- infrastruktur digital

**Pendidikan**

- Doktor falsafah aeronautiks Imperial College, London

**Pembabitan politik**

- Ahli Dewan Negeri Seri Setia (*sejak 2023*)
- ahli Majlis Pimpinan Pusat KEADILAN (*2022-kini*)

**Kerjaya/pembabitan sosial**

- pengarah Selangor Research Institute, Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI
- pegawai di CIMB Investment Bank
- saintis kanan United Kingdom Defense Research Agency

**ANFAAL SAARI** 44 tahun  
EXCO Pembangunan Wanita  
dan Kebajikan Masyarakat



**Portfolio**

- pemberdayaan wanita dan keluarga
- kebajikan masyarakat
- ekonomi penjagaan

**Pendidikan**

- Sarjana muda pentadbiran perniagaan Universiti Northumbria Newcastle

**Pembabitan politik**

- Ahli Dewan Negeri Taman Templer (*sejak 2023*)
- ahli Majlis Perbandaran Ampang Jaya (*2021-2023*)
- naib ketua wanita HARAPAN Nasional (*2022-kini*)
- naib ketua 1 Angkatan Wanita Amanah Negara (AWAN) Nasional (*2019-kini*)

**Kerjaya/pembabitan sosial**

- pegawai pembantu Ahli Parlimen Kota Raja
- ahli lembaga pengarah MAIWP Healthcare Sdn Bhd



## UTOPIA

KEDAI PEJABAT 2 DAN 3 TINGKAT

Dengan lokasi yang strategik di Eco Grandeur City, UTOPIA membuka peluang tanpa had bagi yang mencari perniagaan dan pelaburan yang dijamin maju pada masa akan datang. UTOPIA dibina dengan reka bentuk yang menarik, seperti solarium dua tingkat yang membolehkan kita menikmati cahaya semulajadi.

Harga bumiputera bermula daripada

### RM4,385,700\*

*(Selepas 10% diskaun bumiputera)*

Unit Terhad | Lot Tepi Tiga Tingkat 46' x 80'



\*Gamboran artistik sahaja.

ecoworld.my / +603 3270 2525 /

Paragon Pinnacle Sdn Bhd ( (201401022036 (1098122-T))  
Ecoworld Gallery @ Eco Grandeur  
Lot 6232, Persiaran Mokhtar Dahari, Eco Grandeur, 42300 Bandar Puncak Alam, Selangor



DIJAYAKAN BERSAMA  
**ECOWORLD**  
CREATING TOMORROW & BEYOND





# Edar lebih 10,000 Jalur Gemilang

**PETALING JAYA** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengedar lebih 10,000 Jalur Gemilang kepada premis perniagaan bawah seliaannya.

Datuk Bandar Mohamad Azhan Md Amir berkata kempen yang dimulakan sejak awal bulan bertujuan menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan ke-66.

"Setakat ini lebih 10,000 Jalur Gemilang diedar kepada premis berlesen dengan MBPJ.

"Kami mahu Petaling Jaya pada Bulan Kebangsaan ini diwarnai dan

dilimpahi deretan Jalur Gemilang sebagai simbolik rasa kasih sayang kita terhadap negara tercinta.

"Selain itu, MBPJ menaikkan dua bendera gergasi di Menara MBPJ berukuran 40 kaki lebar, 160 kaki panjang dalam usaha menyemarak dan menyemai rasa cinta, bangga dengan tanah air sendiri," katanya dalam majlis Semarak Jalur Gemilang di Laman MBPJ pada 18 Ogos.

Menghargai lagi sambutan tahun ini, MBPJ mengadakan dua kategori pertandingan iaitu Keceriaan Komuniti

Merdeka 2023 yang menawarkan wang tunai RM4,000 serta pertandingan Kibar Jalur Gemilang dengan hadiah RM1,000 bagi juara, RM750 (naib juara) dan RM500 (tempat ketiga).

"MBPJ akan menilai premis yang mengambil bahagian seperti pasar, gerai, dewan, institut pengajian tinggi serta sekolah dan keputusannya diumumkan 16 September depan," katanya.

Mohamad Azhan turut merasmikan peletakan Jalur Gemilang di semua kenderaan milik MBPJ dan mengajak orang ramai berbuat demikian.

## Manfaat 1,000 pelajar

# RM109,600 untuk dana pendidikan

Oleh **NAEEM RAFFI**

**SHAH ALAM** - Yayasan Selangor membelanjakan RM109,600 bagi menayakan Tuisyen Pintar dan program Selangkah ke Universiti yang memberi manfaat kepada hampir 1,000 pelajar tajaannya meliputi empat daerah.

Pemangku ketua pegawai eksekutifnya berkata sebanyak RM74,000 diperuntuk bagi program Tuisyen Pintar di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Sungai Besar, Sabak Bernam dan Sekolah Menengah Agama Tinggi Sultan Hisamuddin, Klang.

Zaini Sulaiman berkata baki RM35,600 pula diperuntuk bagi mengerakkan program Selangkah ke Universiti memabatkan daerah Gombak dan Petaling.

"Seramai 100 pelajar dipilih untuk menyertai program Tuisyen Pintar di MRSM Sungai Besar melibatkan 10 sekolah antaranya SMK Sungai Besar, MITS Sabak Bernam, SMK Bagan Terap, SMK Munshi Abdullah.

"KPI murid yang ditetapkan dalam peperiksaan SPM adalah 5A, tetapi dengan adanya program ini, saya harap keputusan SPM mereka dapat dilonjakkan ke tahap tertinggi sekaligus meningkatkan peluang menyambung ke institusi pengajian ternama di dalam mahupun luar negara," katanya dalam kenyataan pada 20 Ogos.

Tuisyen Pintar berlangsung setiap Sabtu selama 10 sesi mulai 29 Julai hingga 4 November manakala program Selangkah ke Universiti dijadual bermula September ini.

Sejak 2018 sehingga kini, Yayasan Selangor menyumbang RM40 juta

bantuan pendidikan dan biasiswa kepada hampir 8,000 anak Selangor untuk melanjutkan pelajaran ke universiti.

# Jelajah kerjaya 26 Ogos

**SHAH ALAM** - Jelajah JobCare siri kedua anjuran Unit Pemberdayaan Pekerja Selangor (UPPS) yang sebelum ini ditunda berikutan pilihan raya negeri bakal berlangsung di Petaling pada 26 Ogos.

Ketua Penyelarasnya Vijayan Subramaniam memaklumkan siri pencarian kerja itu menampilkan 20 syarikat daripada pelbagai sektor untuk rakyat Selangor.

"Siri kedua ini diteruskan susulan maklum balas positif orang ramai dan dijadual menjelajah ke sembilan daerah. Kita rancang 22 Julai tetapi ditunda berikutan pilihan raya negeri.

"Oleh itu, jelajah bermula 26 Ogos dan kita akan membantu supaya mereka yang menghantar resume mendapat pekerjaan

dengan bantuan syarikat terlibat," katanya pada 16 Ogos.

Vijayan juga memaklumkan UPPS menganjurkan kursus penunggangan berhempah pada 19 Ogos di Safety Driving Centre, Petaling Jaya yang disertai 100 pekerja p-panggilan.

"Kita anjurkan kursus ini kerana mendapati banyak kemalangan berlaku memabatkan penunggang motosikal. Kita mahu beri kesedaran pentingnya menjaga keselamatan di jalan raya.

"Dengan adanya kursus ini, penunggang motosikal lebih berhati-hati sekaligus dapat mengurangkan kadar kemalangan jalan raya memabatkan penunggang motosikal," katanya.

## RM35 juta laksana projek pembaharuan

**SHAH ALAM** - Majlis Perbandaran Klang (MPK) memperuntuk RM35 juta untuk projek pembaharuan dan pembinaan fizikal di beberapa kawasan tahun depan.

Yang dipertuannya berkata kawasan tersebut ialah pusat bandar Klang Utara, Kapar, Meru, Pelabuhan Klang, Tanjung Harapan, Klang Selatan dan Bandar Bukit Raja.

"Untuk projek di pusat bandar Klang Utara RM9.98 juta diperuntuk antaranya bagi menaik taraf Pasar Jawa dan lorong di Jalan Pos Baru.

"Bagi Meru pula RM5 juta diperuntuk untuk menaik taraf taman rekreasi, plaza landskap, bangunan, gerai makanan dan gerai buah-buahan," kata Noraini Roslan pada 19 Ogos.

Beliau berkata demikian dalam program Sesi Penglibatan Awam Dalam Penyediaan Bajet 2024 MPK di Klang.

Menurut Noraini, sebanyak RM1 juta diperuntuk bagi projek di Kapar, Pelabuhan Klang (RM5 juta), Tanjung Harapan (RM2 juta), Klang Selatan (RM5 juta) dan Bandar Bukit Raja (RM7 juta).

"Matlamat rejuvenasi ini untuk meningkatkan imej Klang yang bakal dinaik taraf bandar raya tidak lama lagi," katanya.

## Bayu Homes

@Taman Saga 3,  
Jalan Raja Nong, Klang.

**RUMAH TERES 2 TINGKAT  
LOT BUMIPUTERA  
PEGANGAN KEKAL**

- Saiz Lot 20' x 80'
- Luas Binaan daripada 2,146 Kaki Persegi
- Tinggal 12 Unit Sahaja
- Berdekatan Masjid Kota Raja

**HARGA DARIPADA  
RM683,550\***

\*Harga selepas diskaun bumiputera

**HUBUNGI :**  
**016 364 4555 NADZRIE**  
**019 366 4688 ROSE**  
**016 208 8426 THOHA**  
**016 269 5336 IBERAHIM**



Lesen Pemaju (Fasa 1): 13298-3/02-2024/01(L) Tempoh Sah: Dari 8/2/2022 hingga 7/2/2024 | Permit Nian & Jualan (Fasa 1): 13298-2/02-2024 (P) Tempoh Sah: Dari 8/2/2022 hingga 7/2/2024 | Lesen Pemaju (Fasa 2): 13298-3/03-2024/02(L) Tempoh Sah: Dari 11/2/2022 hingga 10/2/2024 | Permit Ajan & Jualan (Fasa 2): 13298-3/03-2024/02(P) Tempoh Sah: Dari 11/2/2022 hingga 10/2/2024 | Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Klang | No. Rujukan Kelulusan Pelan Bangunan: MPK/BGN-603-4/1/0048(2023) P | Pegangan Tanah: Hak Milik Bebas (kini Geran Hakmilik Individu) | Sekatan Keperlingan: Tidak | Tarikh Dijangka Siap: Disember 2024 (Fasa 1) | Fasa 1 - Jumlah Unit: 22 unit (Jenis: S - Semi) | Harga Jualan - Jenis: S - Semi (minimum RM683,000.00 - maksimum RM1,163,000.00) (Fasa 2) | Fasa 2 - Jumlah Unit: 30 unit (Jenis: A - Semi) | Harga Jualan - Jenis: A - Semi (minimum RM725,000.00 - maksimum RM1,163,000.00) | Diskaun Bumiputera: 7% | Bebanan Tanah: Maybank Islamic Berhad (Penafian). Semua maklumat yang terkandung di sini termasuk uraian dan ilustrasi terbahagi pada pandangan tanpa pembertanggungjawaban seperti yang mungkin dikehendaki oleh pihak berkuasa atau perunding pemaju dan tidak bertujuan untuk memberikan atau tidak boleh membentuk sebahagian dari penawaran atau kontrak. Semua ukuran hanya anggaran. Semua ilustrasi adalah langkapannya sahaja.



# Sekalung Taheriah

## Y.A.B DATO' SERI AMIRUDIN SHARI

Atas pelantikan sebagai

## DATO' MENTERI BESAR SELANGOR



Ikhlas daripada

## DATUK BANDAR

SERTA  
TIMBALAN DATUK BANDAR,  
AHLI MAJLIS DAN SELURUH WARGA KERJA  
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA



**#KitaSelangor**







**MESRA...** Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyapa usahawan ketika Majlis Jalinan Kerjasama iTekad di Sasana Kijang, Kuala Lumpur pada 22 Ogos. Foto BERNAMA. ▶ BERITA MUKA 20

## Pupuk pelajar nilai agama

# Edar Hadis 40 ke sekolah

**SHAH ALAM** - Modul Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi dilancarkan bagi memupuk penghayatan hadis mulai peringkat sekolah, kata Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek.

Beliau berkata modul tersebut akan mula dilaksanakan di sekolah menengah kebangsaan agama dan sekolah agama bantuan kerajaan sebelum diedar ke sekolah bawah kementeriannya tahun depan.

Katanya, modul tersebut membantu guru dan pelajar mendapat penghayatan khususnya memastikan nilai pesanan dan perkara baik dalam hadis dibaca dan dihayati, lapor Bernama.

"Saya tiada masalah untuk nilai-nilai dalam hadis dibawa ke sekolah. Komitmen kita besar untuk melihat anak mus-

lim benar-benar menghayati hadis 40 berkaitan nilai baik.

"Cabaran kita hari ini memastikan semua orang bercakap perkara baik di sebalik kebanjiran idola dan kemarau teladan," katanya dalam Karnival Penghayatan Hadis 40 Imam Nawawi di Putrajaya di sini pada 19 Ogos.

Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pendidikan Omar Salleh pula menjelaskan penerbitan modul itu selari saranan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata penghayatan hadis 40 mulai peringkat sekolah berupaya memupuk semangat kasih sayang selain menerapkan kefahaman agama khususnya dalam kalangan pelajar Islam," katanya.

## Majoriti kes buli selesai

**SHAH ALAM** - Lebih 90 peratus kes aduan buli dan gangguan seks di institusi pendidikan diselesaikan dalam masa kurang 15 hari, menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Semua jabatan dan pejabat pendidikan setiap peringkat diarah mematuhi tahap kesegeraan penyampaian maklumat dan laporan serta tindakan bagi kedua-dua kejadian tersebut.

Menurut kenyataan KPM, ada tiga saluran yang boleh digunakan orang ramai

termasuk pengurusan sekolah dan ibu bapa untuk menyalur maklumat berkaitan kes buli dan gangguan seks.

Ia antaranya talian khas aduan buli (03-88849352), e-mel (adubuli@moe.gov.my) atau aduan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPA) KPM yang tersedia di portal aduan itu

Maklumat aduan buli dan gangguan seks juga boleh diakses melalui Portal Aduan Buli KPM di [www.moe.gov.my/aduanbuli](http://www.moe.gov.my/aduanbuli)

## PM seru rakyat kibar Jalur Gemilang

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menyeru rakyat untuk mengibarkan Jalur Gemilang sempena Bulan Kebangsaan bagi menghayati semangat kemerdekaan tanah air.

Beliau mengajak orang ramai merai sambutan tersebut sekali gus menunjukkan mereka memahami perjuangan generasi terdahulu dalam mencapai kemerdekaan untuk negara, lapor Bernama.

"Saya syorkan mulai sekarang sehingga 31 Ogos Hari Kemerdekaan negara seterusnya Hari Malaysia 16 September, kita kibar Jalur Gemilang dengan megah," katanya.

"Di setiap kenderaan, di setiap jabatan, di rumah, di mana sahaja untuk menunjukkan bahawa Malaysia sekarang bangkit sebagai negara yang bersatu padu, punyai cita-cita, punyai idealisme untuk menghayati semangat kemerdekaan," katanya.

Anwar berkata demikian dalam rakaman Ucapan Khas Perdana Menteri sempena Hari Kebangsaan 2023 terbitan Radio Televisyen Malaysia pada 22 Ogos.

Malaysia Madani: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan diumumkan tema sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia bagi tahun ini.

Sambutan pada 31 Ogos diadakan di Dataran Putrajaya manakala Hari Malaysia pada 16 September di Kuching, Sarawak.



**ECO BUSINESS PARK V**  
LANDMARK 5



**WEST GATE** Tanah Perindustrian 3 - 20 Ekar

**TAMAN INDUSTRI BERPAGAR YANG BERPRESTASI TINGGI**

Tanah perindustrian seluas 3 hingga 20 ekar untuk perniagaan anda. Kini dengan 10% diskaun Bumiputera! Tingkatkan aktiviti ekonomi anda di lokasi utama ini dan alami pertumbuhan perniagaan yang eksponen hari ini.

PARAGON PINNACLE SDN BHD (1098122-T)  
EcoWorld Gallery @ Eco Business Park V  
Lot 6252, Puncak Alam, Selangor  
Eco Grandeur, 42300  
Bandar Puncak Alam, Selangor  
E: [ecobusinesspark@ecoworld.com.my](mailto:ecobusinesspark@ecoworld.com.my)

Nikmati perkhidmatan bertaraf antarabangsa dan bantuan pakar setiap hari  
Isnin - Jumaat 9pg - 6ptg  
Sabtu/Ahad dan Cuti Awam 10pg - 6 ptg

+603 3270 2525  
[www.ecoworld.my](http://www.ecoworld.my)

BERKAITAN DENGAN  
**ECOWORLD**  
KORPORASI BERSEKUTUAN  


Kesemua render dan gambar di dalam risalah ini adalah gambaran artistik sahaja. Pihak Pemasja berkehendak untuk mengahuisasi apa-apa bahagian bangunan sebelum ia disiapkan seperti yang telah diarahkan atau dipersempit arkitek dan / atau pihak berkuasa yang relevan. Kesemua pelan, susun atur, informasi dan spesifikasi terdapat pada sebarang penubuhan dan tidak boleh diambil kira sebagai suatu tawaran atau sebahagian dari kontrak. Pihak Pemasja berkehendak untuk mengahuisasi, menyalur atau mengahuisasi kesemua informasi di dalam risalah ini tanpa persembahan. Bilamana kesemua langkah telah diambil apabila mengemukakan informasi ini, Pihak Pemasja tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk apa-apa variasi. Untuk mengahuisasi sebarang keagahan mengenai susun atur, informasi dan spesifikasi, sila rujuk kepada Perjanjian Jual Beli.



## 119 tempat berteduh penunggang motor

**SHAH ALAM** - Sebanyak 119 tempat berteduh untuk penunggang motosikal dibina di seluruh negara termasuk 40 daripadanya dijadual siap pada tahun ini manakala bakiannya tahun depan.

Projek itu hasil kerjasama Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuh Raya (LLM) melibatkan 33 syarikat konsesi lebuh raya menerusi inisiatif Bitara Madani, lapor Bernama.

Ahli Bersekutu Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (Miros) Tengku Ahmad Marwan Tengku Mahmud menyifatkan pembinaan itu mempertingkatkan aspek keselamatan.

"Risiko kemalangan melibatkan kenderaan lain dapat dikurangkan secara drastik," katanya pada 13 Ogos.

Pada 4 Ogos, Menteri Kerja Raya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata 119 tempat berteduh dibina untuk penyelesaian penunggang motor berteduh ketika hujan.

## Tambah dana bantu usahawan

**SHAH ALAM** - Kerajaan menambah peruntukan geran RM6 juta bagi membantu perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) khususnya golongan berpendapatan rendah.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata keseluruhan bantuan program iTekad bagi tahun ini berjumlah RM10 juta berbanding RM4 juta yang diperuntuk dalam Belanjawan 2023, lapor Bernama.

Menyifatkan dana awalan Kement-

terian Kewangan RM4 juta itu berjaya, beliau berkata kerajaan bertekad untuk menghapuskan kemiskinan dan mengurangkan jurang golongan kaya dan miskin.

"Kalau (iTekad) berjaya dengan RM4 juta dana awalan Kementerian Kewangan, (dengan) andaian lebih banyak penyertaan bank dan ada lagi dana tambahan dari Bank Negara Malaysia (BNM), maka saya boleh tambah daripada RM4 juta kepada RM10

juta untuk tahun ini," katanya.

Anwar yang juga menteri kewangan berkata demikian dalam majlis Jalinan Kerjasama iTekad di sini pada 22 Ogos.

iTekad merupakan program penaung yang diwujudkan oleh BNM bagi membantu usahawan mikro mendapat akses pembiayaan untuk memulakan dan meneruskan perniagaan menerusi latihan peningkatan kemahiran dan bimbingan.

### Untuk golongan M40, B40

# Sedia 1,000 rumah mampu milik

**SHAH ALAM** - Sebanyak 1,010 unit rumah mampu milik di Desa Tasik Sungai Besi, Kuala Lumpur ditawarkan kepada golongan berpendapatan sederhana dan ke bawah yang belum memiliki kediaman.

Projek di kawasan seluas 1.4 hektar itu menempatkan 910 unit rumah Residensi Wilayah berkeluasan 902 kaki persegi dan 908 kaki persegi pada harga RM300,000 seunit, lapor Bernama.

"Residensi Prihatin Madani pula melibatkan pembangunan 100 unit berkeluasan 902 kaki persegi dengan harga jualan RM200,000 seunit," menurut kenyataan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Terdahulu, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim merasmikan majlis pecah

tanah residensi berkenaan di Desa Tasik Sungai Besi, Kuala Lumpur pada 17 Ogos.

Residensi Wilayah ditawarkan kepada individu berusia 21 tahun ke atas berpendapatan bulanan bawah RM10,000 (bujang) dan RM15,000 (berkahwin) serta lahir atau bekerja di Kuala Lumpur.

Residensi Prihatin Madani antara inisiatif bawah gagasan Malaysia Madani bagi menyediakan perumahan mampu milik kepada golongan berpendapatan sederhana dan rendah.

Pusat Penjaja Madani juga dibina bersebelahan Kompleks Sukan Desa Tasik di tanah seluas 0.17 hektar yang dilengkapi tempat letak kereta, surau dan ruang makan.

## Henti amalan komisen

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu amalan meminta dan memberi komisen dalam mana-mana pelaksanaan projek pembangunan termasuk projek perumahan dihenti segera.

Tidak menghalang mana-mana syarikat memperoleh keuntungan, beliau menegaskan amalan tersebut tidak harus berlaku dalam kalangan mana-mana menteri atau parti politik, lapor Bernama.

Beliau menjelaskan lebih baik "peruntukan komisen" itu dipulangkan kepada rakyat menerusi pembangunan meliputi projek perumahan bagi rakyat berpendapatan rendah dan pusat penjaja.

"Ada keuntungan (syarikat) tiada masalah, tapi janganlah potong RM10 juta atau RM15 juta untuk pak menteri atau parti seperti amalan sebelum ini, ini yang merosakkan.

"Hakikatnya semua mengakui ini telah menjadi amalan. Jadi kita harus hentikan amalan buruk ini," katanya dalam majlis pecah tanah 1,010 unit rumah mampu di Kuala Lumpur pada 17 Ogos.

Turut hadir, Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Kamarulzaman Mat Salleh dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Kawasan seluas 1.4 hektar itu menempatkan Residensi Wilayah dan Residensi Prihatin Madani bakal ditawarkan golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang belum memiliki rumah.

Anwar menjelaskan kerajaan menetapkan syarat supaya ada keseimbangan dalam projek perumahan baharu bagi memastikan golongan berpendapatan rendah tidak tersisih dari arus pembangunan.

Beliau juga mahu kawasan lapang dan hijau sekitar projek perumahan perlu dkekalkan supaya tidak hanya menjadi hutan kota selain pemaju perlu mewujudkan pusat atau gerai penjaja.

"Saya hendak satu anjakan besar bawala dalam satu dua tahun orang tahu Kuala Lumpur terkenal dengan mercu tanda baik, hotel besar dan gerai yang bersih dan ada tahap keindahan," katanya.



**KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR**

**KENYATAAN TENDER**

Tender ini adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan dan Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/perkhidmatan berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL TAWARAN	NOMBOR TENDER TAJUK PROJEK	TARAF	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN MULAI DIJUAL	HARGA DOKUMEN & BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER TUTUP
Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, JPS Negeri Selangor	<b>JPS/N/SEL/S/10/2023 (CP)</b> RANCANGAN TEBATAN BANJIR SUNGAI SUBANG DI KAMPUNG KUBU GAJAH, MUKIM SUNGAI BULOH, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN	Bumiputera	Berdaftar dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan. <b>Gred : G6</b> <b>Kategori : CE</b> <b>Pengkhususan : CE 21 &amp; CE 36</b> Kontraktor juga hendaklah berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPENS)	Kaunter Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, JPS Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor. <b>5 September 2023</b> hingga <b>2 Oktober 2023</b>	<b>RM460.00</b> Pegarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (Bayaran Secara Online di laman sesawang Sistem Tender Online Selangor)	Peti Tender, Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, JPS Selangor, Tingkat 5, Blok Podium Selatan, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40626 Shah Alam, Selangor <b>2 Oktober 2023 (ISNIN)</b> Jam 12.00 tengah hari

Taklimat dan Lawatan Tapak adalah **DIWAJIBKAN** pada **4 September 2023 (ISNIN)** jam 10.00 pagi. Tempat Berkumpul: **Dewan Kenanga, Pejabat Daerah Petaling, No. 1, Persiaran Atmosfera, Seksyen U5, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan**

Lawatan Tapak Adalah **DIWAJIBKAN** kepada **PENAMA** di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Hanya penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat yang boleh menghadiri taklimat. Syarikat **TIDAK BOLEH** mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat berkenaan pada waktu **9.00 pagi** hingga **3.30 petang** sahaja. Salinan resit pembelian hendaklah dilampirkan semasa pengambilan dokumen tender. Sila patuhi **SOP** yang telah ditetapkan semasa proses pengambilan dokumen tender.

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini wakil-wakil kontraktor hendaklah membawa **SIJIL ASAL PENDAFTARAN LEMBAGA PEMBANGUNAAN INDUSTRI PEMBINAAN, PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR/KEMENTERIAN KEWANGAN DAN PENDAFTARAN UPENS SERTA SIJIL TARAF BUMIPUTERA PPK** jika berkenaan dan satu **SALINAN** bagi siji-sijil berkenaan semasa membeli dokumen tender.

Petender boleh menyemak Jadual Tender yang akan dipaparkan di dalam laman web Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor selewat-lewatnya Tujuh (7) hari dari tarikh tutup tender.





Tengku Amir Shah (tengah) menyampaikan hadiah kepada pemain MBSA FC yang menjuarai Liga Super FAS 2023 di Stadium MBSJ, Subang Jaya pada 20 Ogos. Foto MOHD ARIF

## Layak ke Selangor Champions League

# MBSA FC juara liga

Oleh FITRI HAZIM HAZAM

**SUBANG JAYA** - MBSA FC menjuarai Liga Super FAS 2023 selepas menewaskan Boss FC 1-0 dalam perlawanan akhir di Stadium Arena MBSJ di sini pada 20 Ogos.

Menguasai permainan, MBSA FC menang hasil jaringan tunggal menerusi rembatan kencang Mahadi Asharif pada minit ke-15. Boss FC yang sesekali menyerang cuba merapatkan kedudukan tetapi percubaannya tersasar.

Jurulatih MBSA FC Ahmad Faisal Yunos menyifatkan kemenangan tersebut cukup bermakna buat pasukannya yang menjulang trofi berkenaan buat pertama kali.

"Persefahaman dan strategi taktikal yang diterap dalam pasukan dipatuhi pemain resipi kejayaan kita," kata pengendali itu.

Kejayaan itu melayakkan MBSA FC ke kejohanan Selangor Champions League musim ini selain menerima wang tunai RM15,000 beserta trofi. Naib juara menerima RM8,000 serta trofi.

Sebanyak 18 pasukan tempatan menyertai liga berkenaan yang bermula pada 13 Mei.

Terbahagi kepada dua kumpulan, pusingan awal hingga separuh akhir berlangsung di Radia Arena Bukit Jelu-

tong, Shah Alam.

Kelana United pula menjuarai Liga Perdana FAS 2023 dengan menewaskan Putra Perwira 1-0 hasil tandukan Ilya Fitri pada minit ke-67. Pasukan yang dibarisi bekas pemain kebangsaan itu membawa pulang wang tunai RM8,000 dan trofi.

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah berkenan mencemar duli menyaksikan kedua-dua perlawanan berkenaan dan menyempurnakan penyampaian hadiah.

Berikut pemenang Anugerah Liga Super FAS dan Liga Perdana:

### Liga Super:

- Pemain Paling Bernilai (MVP) – M Kalairasan (MBSA)
- Kasut Emas – Firdaus Musa (MPKJ), Nur Rizzham Norman (Gombak), M Terrence (MPKJ), Faiz Laidin (Sun Riders)
- Penjaga Gol Terbaik – Wan Ahmad Hababa (MBPJ), Fareez Safwan (MPKJ)

### Liga Perdana:

- Pemain Paling Bernilai (MVP) – Ilyia Fitri (Kelana United)
- Kasut Emas – Fakri Saarani (Kelana United), Radzi Pilus (Bukit Kapar)
- Penjaga Gol Terbaik – Khairil Ikhwan Azman (Putra Perwira)

## Lawan Terengganu di suku akhir

**SHAH ALAM** - Selangor FC mara ke peringkat suku akhir Piala Malaysia selepas menewaskan PDRM FC dengan agregat 5-3 pada 19 Ogos.

Walaupun tewas 1-2 dalam perlawanan kedua pusingan 16, kemenangan awal 4-1 cukup untuk skuad kendalian Tan Cheng Hoe mara ke peringkat seterusnya.

Red Giants bakal berdepan Terengganu FC yang menang bergaya dengan agregat 7-0 ke atas Kuala Lumpur Rovers. Pemenang bertemu Kuala Lumpur City FC atau Sri Pahang FC pada separuh akhir.

Dua lagi perlawanan suku akhir menyaksikan pertembungan juara Piala Malaysia musim lalu, Johor Darul Ta'zim (JDT) dan Negeri Sembilan FC manakala Sabah menanti kunjungan Perak FC.

JDT mara dengan agregat 15-1 menewaskan Kelantan FC manakala Negeri Sembilan FC mengatasi Kelantan United FC 5-2.

Sabah cemerlang menang 4-1 ke atas Kuching City FC sementara Perak FC mengejutkan Kedah Darul Aman FC 4-3 secara agregat.

Suku akhir Piala Malaysia dijadual berlangsung pada September.

Sebelum ini, Liga Bolasepak Malaysia (MFL) memaklumkan peringkat suku akhir yang dijadual September dan separuh akhir akan berlangsung secara timbal balik.



**ECO BUSINESS PARK V**

**DI MANA KEJAYAAN BERMULA!**

**NORTH GATE**

Tanah Perindustrian  
Dari 1 Ekar Ke Atas

Selamat datang ke taman perindustrian yang dibina untuk kejayaan perniagaan anda. Bermula dari tapak sebesar 1 ekar ke atas, North Gate menyediakan peluang unik untuk anda dengan ruang dan persekitaran yang sesuai untuk perniagaan anda berkembang maju. Nikmati diskaun Bumiputera 10% sekarang!

PARAGON PINNACLE SDN BHD (1098122-T)  
EcoWorld Gallery @ Eco Business Park V  
Lot 6232, Persiaran Mokhtar-Dahlan,  
Eco Grandeur, 42300  
Bandar Puncak Alam, Selangor.  
EcoBusinessPark@ecoworld.my

Nikmati perkhidmatan bertaraf antarabangsa dan bantuan pakar setiap hari

Isnin - Jumaat 9pg - 6ptg  
Sabtu/Ahad dan Cuti Awam 10pg - 6 ptg

+603 3270 2525  
www.ecoworld.my

Persekitaran  
**ECOWORLD**  
CREATING TOMORROW & BEYOND

Kesemua render dan gambar di dalam risalah ini adalah gambaran artis sahaja. Pihak Pemaju berhak untuk mengubahsuai apa-apa bahagian bangunan sebelum ia disiapkan seperti yang telah dirancang atau dipersetujui arkitek dan/atau pihak berkuasa yang relevan. Kesemua pelan, susun atur, spesifikasi dan spesifikasi terduduk pada sebarang perubahan dan tidak boleh diambil kira sebagai suatu tawaran atau sebahagian dari kontrak. Pihak pemaju berhak untuk mengubah, menukar atau mengubahsuai kesemua informasi di dalam ini tanpa pemberitahuan. Bilamana kesemua langkah telah diambil apabila mengeluarkan informasi ini, Pihak Pemaju tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk apa-apa variasi. Untuk mengelakkan sebarang keaguan mengenai susun atur, informasi dan spesifikasi, sila rujuk kepada Perjanjian Jual Beli.



## Tambah sukarelawan

**GOMBAK** - Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan sekolah dan badan berseragam untuk menjalankan aktiviti sukarelawan melalui program Think Selangor.

Dato' Menteri Besar berkata program itu bertujuan mengalakkan dan menambah bilangan sukarelawan di negeri ini termasuk ketika mendepani bencana.

"Negeri perlukan lebih banyak sukarelawan, mereka ini sebenarnya menjadi inti penting kepada keharmonian dalam kehidupan masyarakat.

"Pada masa akan datang kita akan bekerjasama dengan sekolah dan badan beruniform seperti Kadet Tentera, Kadet Polis, Pandu Puteri, Penga-

kap dan lain-lain lagi untuk jalankan program yang memang telah ada dalam Kerajaan Negeri iaitu Think Selangor," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Berucap dalam program kemasyarakatan Pasukan Pandu Puteri Tunas Daerah Gombak di sini pada 19 Ogos, Amirudin berkata kerja sukarelawan banyak membantu kemerdekaan di negara ini.

"Apabila seseorang itu sanggup berkorban melakukan sesuatu yang bukan tugas hakikinya itulah (semangat) yang membawa kemerdekaan kepada negara kita.

"Tanpa mereka yang berkorban tak mungkin kita dapat mengecapi kemerdekaan. Selamat menyambut Hari Kemerdekaan," tambahnya.

## Tekad khidmat terbaik

**SHAH ALAM** - Beberapa wakil rakyat ber-azam untuk bekerja kuat dan tidak sekali mensia-siakan mandat yang diberi rakyat dalam pilihan raya negeri yang berakhir pada 12 Ogos.

Berterima kasih kepada pengundi, Ahli Dewan Negeri (ADN) Pandan Indah Ir Izham Hashim mahu berusaha keras untuk terus membangunkan kawasan yang diwakilinya supaya lebih banyak kemajuan dicapai.

"Saya tidak akan sia-siakan mandat diberi dan saya akan laksana tugas dengan lebih baik berbanding sebelum ini," kata pengerusi Parti Amanah Negara Selangor pada 13 Ogos.

ADN Kinrara Ng Sze Han juga mahu terus menjalankan kerja dengan berkhidmat kepada penduduk tanpa berkecuali, apatah lagi beliau memperoleh majoriti tertinggi di Malaysia.

"Mendapat majoriti tinggi bermaksud tanggungjawabnya lebih berat dalam

membela nasib rakyat. Saya tetap memberi perkhidmatan terbaik dalam membangunkan DUN Kinrara," kata beliau.

Wakil rakyat Sungai Air Tawar Datuk Rizam Ismail pula menyifatkan kemenangan yang diperoleh bukan semata-mata untuk dirinya, sebaliknya hadiah kepada rakyat di kawasan tersebut.

"Saya berazam untuk meningkatkan prestasi berbanding sebelum ini dengan memberi tumpuan kepada aspek pembangunan dan meningkatkan taraf ekonomi setempat.

"Jika sebelum ini berada di blok pembangkang, kini menjadi sebahagian Kerajaan Perpaduan. Sudah pasti kelebihan yang ada ini akan digunakan demi kebaikan rakyat," katanya.

Gabungan Perpaduan terdiri daripada Pakatan Harapan dan Barisan Nasional Selangor menang 34 daripada 56 kerusi sekali gus kembali membentuk kerajaan dengan majoriti mudah.

## Kemuka petisyen bantahan

**SHAH ALAM** - Empat calon Pakatan Harapan dan Barisan Nasional Selangor akan memfailkan petisyen bagi membantah keputusan pilihan raya negeri pada 12 Ogos.

Mereka ialah calon Gombak Setia Datuk Megat Zulkarnain Oardin, Mohd Zawawi Ahmad Mughni (Sungai Kandis), Ahmad Akhir Pawan Chik (Taman Medan) dan Noorazli Said (Dengkil).

Keempat-empat calon itu tewas tipis bawah 500 undi dengan Taman Medan kalah majoriti 30 undi, Gombak Setia (58 undi), Sungai Kandis (167 undi) dan Dengkil (407 undi).

Ahmad Akhir berkata pihaknya sedang mengumpul dokumen berkaitan untuk

diserahkan kepada peguam sebelum surat permohonan atau rayuan itu dikemukakan.

"Kami akan failkan bantahan dalam tempoh dua minggu," katanya yang tewas kepada calon Perikatan Nasional (PN) Dr Afif Bahardin yang meraih 22,316 undi.

Dua lagi calon BN Megat Zulkarnain dan Noorazli turut membuat tindakan sama dengan mengumpul bukti untuk diserahkan kepada mahkamah bagi pertimbangan sewajarnya.

Noorazli tewas kepada Datuk Seri Jamil Salleh (PN) yang mendapat 33,561 undi, sementara Megat Zulkarnain dikalahkan Muhammad Hilman Idham (PN).





**MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**  
Persiaran Semarak Api, Cyber 1  
63200 CYBERJAYA  
Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada **kontraktor-kontraktor** yang berdaftar dengan CIDB, SPKK dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bagi kerja-kerja berikut:

BIL	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	HARGA DOKUMEN
1.	T/MPSepang/BGN/63/2023	CADANGAN KERJA-KERJA MENAIKTARAF 'DRIVING RANGE' DI KELAB KOMUNITI TAMAN TASIK CYBERJAYA SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN SECARA REKA DAN BINA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2023	CIDB, SPKK DAN G4 DAN Kategori B (B04) & Kategori CE (CE21) DAN UPEN	RM500.00

2. Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> atau di kaunter pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **4 September 2023** hingga **25 September 2023** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskhah (tidak dikembalikan). Dokumen tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor yang membawa siji asal dan surat wakil (sekiranya bukan penama di dalam lesen) semasa pembelian dokumen tender. Dokumen yang perlu dibawa adalah Surat Lantikan Wakil, Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN). Bayaran dibuat secara atas talian melalui FPX, Kredit Kad dan Debit Kad atau secara Tunai, Wang Pos atau Bank Draft yang berpaling atas nama 'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'.

3. Kontraktor-kontraktor (**HANYA PENAMA DI DALAM LESEN DENGAN MEMBAWA SIJIL ASAL**) adalah **diwajibkan** untuk membuat lawatan tapak bersama Pegawai Penguasa atau wakilnya. Hanya petender yang hadir pada lawatan tapak tersebut sahaja yang layak untuk memasuki tawaran ini. Petender dikehendaki melaporkan diri di tempat, tarikh dan masa seperti berikut:-


Tarikh : 4 September 2023  
Masa Pendaftaran : 10.00 - 10.30 Pagi  
Masa Taklimat : 10.30 Pagi  
Tempat Berkumpul : Bilik Melati, Aras 1, Majlis Perbandaran Sepang  
Nota : Kegagalan kontraktor hadir pada waktu pendaftaran yang ditetapkan boleh menyebabkan kontraktor tidak boleh hadir taklimat, seterusnya tidak boleh membeli dokumen tender ini

4. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** di sebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras 2, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 tengah hari** pada **25 September 2023**.

5. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

"INTEGRITI AMALAN SAYA"  
"SELANGOR MAJU BERSAMA"  
"MALAYSIA MADANI"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Sepang



**MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**  
Persiaran Semarak Api, Cyber 1  
63200 CYBERJAYA  
Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada **pembekal-pembekal** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bagi kerja-kerja berikut:

BIL	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	HARGA DOKUMEN
1.	T/MPSepang/ICT/64/2023	REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) BAGI CADANGAN MENGAJAI, MENCADANG, MEMBANGUN, MEMBEKAL, MEMASANG, MENGINTEGRASI, MENGUJILARI DAN MENTAULIAH SISTEM PENGURUSAN PEROLEHAN PINTAR (INTELLIGENT PROCUREMENT MANAGEMENT SYSTEM - IPMS) UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2023	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) 210102 - Hardware (High End Technology) - All Types of Server, Mainframe, High End Printers, Storage Area Network Software (SAN, NAS) Including Maintenance DAN 210103 - Software - Supply All Computer Software, Operating System, Database, Off-The-Shelf Packages Including Maintenance DAN 210104 - Software/System Development/Customization and Maintenance Including Data Entry, Data Processing DAN 210105 - Telecommunication/networking - supply product, infrastructure, services including maintenance (LAN/WAN/Internet/wireless/satellite) DAN Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)	RM300.00

2. Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> atau di kaunter pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **5 September 2023** hingga **26 September 2023** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskhah (tidak dikembalikan). Dokumen tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor yang membawa siji asal dan surat wakil (sekiranya bukan penama di dalam lesen) semasa pembelian dokumen tender. Dokumen yang perlu dibawa adalah Surat Lantikan Wakil, Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN). Bayaran dibuat secara atas talian melalui FPX, Kredit Kad dan Debit Kad atau secara Tunai, Wang Pos atau Bank Draft yang berpaling atas nama 'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'.

3. Pembekal-pembekal (**HANYA PENAMA DI DALAM LESEN DENGAN MEMBAWA SIJIL ASAL**) adalah **diwajibkan** untuk membuat lawatan tapak bersama Pegawai Penguasa atau wakilnya. Hanya petender yang hadir pada lawatan tapak tersebut sahaja yang layak untuk memasuki tawaran ini. Petender dikehendaki melaporkan diri di tempat, tarikh dan masa seperti berikut:-

Tarikh : 5 September 2023  
Masa Pendaftaran : 10.00 - 10.30 Pagi  
Masa Taklimat : 10.30 Pagi  
Tempat Berkumpul : Bilik Melati, Aras 1, Majlis Perbandaran Sepang  
Nota : Kegagalan pembekal hadir pada waktu pendaftaran yang ditetapkan boleh menyebabkan pembekal tidak boleh hadir taklimat, seterusnya tidak boleh membeli dokumen tender ini

4. Dokumen tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** di sebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras 2, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 tengah hari** pada **26 September 2023**.

5. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

"INTEGRITI AMALAN SAYA"  
"SELANGOR MAJU BERSAMA"  
"MALAYSIA MADANI"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Sepang



# Bantu anak muda peroleh pekerjaan berkualiti

**SHAH ALAM** - Anak muda Tanjong Sepat boleh menjana pendapatan tanpa perlu berhijrah ke bandar dengan memainkan peranan sebagai duta pelancongan, kata wakil rakyatnya Borhan Aman Shah.

Beliau menjelaskan perkhidmatan trem boleh diwujudkan se-



kali gus menjadikan mereka sebagai pemandu pelancong berikutan anak muda lebih kenal selok-belok kampung sendiri.

"Seperti di Kuala Selangor, ada perkhidmatan celurut yang bawa 15 hingga 20 penumpang ke kam-

pung. Saya perlukan anak muda untuk jadi pemandu pelancong dan bawa trem di sini.

"Kita juga galakkan mereka jana pendapatan di kampung dengan mewujudkan produk sendiri contohnya pembuatan kerepek, kopi, pau dan tempe," katanya pada 15 Ogos.

Borhan menambah elemen kebu-

dayaan termasuk tarian dan silat jika diperkasa antara tarikan pelancongan tempatan.

"Kita panggil buat persembahan di Dataran Batu Laut untuk dipersembahkan kepada pelancong yang bakal menjana pendapatan," katanya yang mempertahan kerusi sama dengan majoriti 2,524 undi pada pilihan raya negeri lalu.

Guna pengalaman sebagai ahli majlis

# Tumpu atasi masalah bah

Oleh **SHEEDA FATHIL**

**SHAH ALAM** - Ahli Dewan Negeri (ADN) Batu Tiga Danial Al-Rashid Haron bertekad untuk menangani masalah prasarana dan perancangan mitigasi banjir di kawasan tersebut.

Beliau mahu menggunakan pengalaman selama 15 tahun dalam bidang korporat strategik, politik dan ahli majlis untuk

menyelesaikan pelbagai masalah rakyat di Dewan Undangan Negeri itu.

"Untuk jangka masa pendek, saya akan berhubung dengan Majlis Bandaraya Shah Alam bagi mendapatkan penerangan isu prasarana dan perancangan mitigasi banjir," katanya pada 14 Ogos.

DUN tersebut antara kawasan terjejas banjir hingga

mengakibatkan limpahan air di kawasan perumahan penduduk, malah beberapa bangunan ditenggelami bah.

Bersyukur diberi mandat untuk berkhidmat di situ, Danial bertekad untuk tidak sesekali mensia-siakan peluang yang diberi pengundi Batu Tiga.

"Saya akan kerap turun padang untuk bantu penduduk kerana saya yakin kepimpinan bukan sahaja bermula dari atas tetapi bermula dari sikap prihatin terhadap keperluan rakyat," katanya.



# Tangani isu banjir kilat di Meru

**SHAH ALAM** - Mesyuarat penyelarasan bersama agensi berkaitan akan dibuat segera bagi mengatasi masalah banjir di beberapa lokasi sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Meru.

Wakil rakyatnya Mariam Abdul Rashid berkata musibah itu kerap berlaku berikutan kurang kolam tadahan selain faktor longkang tersumbat yang menghalang aliran air ketika hujan lebat.

"Kita mengambil maklum permasalahan diadakan penduduk dan berharap langkah jangka pendek yang akan dibincangkan (bersama agensi berkaitan) dapat menyelesaikan masalah bah ini segera.

"Dalam pelan Lima Tahun Tekad Meru, satu daripadanya mengatasi banjir

dengan memastikan projek tebatan banjir dibuat segera dan penyelenggaraan saliran dijalankan kerap," katanya.

Sebelum itu, Mariam meninjau beberapa lokasi banjir di Jalan Chempaka, Jalan Paip, Kampung Budiman, Taman Daya dan Taman Daya Maju setelah menerima aduan orang ramai.



# Segera selesai aduan lampu jalan

**SHAH ALAM** - Wakil rakyat Banting V Papparaidu mahu menyelesaikan masalah pencahayaan di laluan Banting-Kuala Langat bagi menjamin keselamatan pengguna jalan raya.

Berdasarkan pemerhatiannya, beliau mendapati ada beberapa laluan gelap boleh mengundang risiko kemalangan khususnya kepada penunggang

motosikal.

"Jadi, kita akan bawa perkara ini kepada pihak berkuasa tempatan untuk dibincang dan diselesaikan secara bersama," katanya yang menang kerusi itu selepas meraih 27,223 undi.

Wakil rakyat Balakong Ong Chun Wei pula berazam untuk menambah

baik prasarana di kawasan setempat selain menitik berat aspek kebersihan demi kesejahteraan penduduk.

Justeru, beliau membuat lawatan ke Majlis Perbandaran Kajang dan KDEB Waste Management untuk mencari jalan penyelesaian terbaik.

"Balakong kawasan 'berusia', jadi banyak prasarana rosak dan perlu diberi fokus, begitu juga soal kebersihan," katanya.



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD  
(201401006213)

## KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1-19	TBA	PROVISION OF FACILITIES MANAGEMENT SERVICES FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN.BHD FOR A PERIOD OF THREE (3) YEARS (2024-2026) PACKAGE 1 (AIR SELANGOR HEADQUARTERS) PACKAGE 2 (KUALA LUMPUR REGION OFFICE & QUARTERS) PACKAGE 3 (PETALING REGION OFFICE & QUARTERS) PACKAGE 4 (KLANG REGION OFFICE & QUARTERS) PACKAGE 5 (GOMBAK REGION OFFICE & QUARTERS) PACKAGE 6 (HULU LANGAT REGION OFFICE & QUARTERS) PACKAGE 7 (HULU SELANGOR REGION OFFICE & QUARTERS) PACKAGE 8 (KUALA LANGAT REGION OFFICE & QUARTERS) PACKAGE 9 (KUALA SELANGOR REGION OFFICE & QUARTERS) PACKAGE 10 (SEPANG REGION OFFICE & QUARTERS) PACKAGE 11 (SABAK BERNAM REGION OFFICE & QUARTERS) PACKAGE 12 (NORTH REGION OFFICE (NRO A) WTP & QUARTERS) PACKAGE 13 (NORTH REGION OFFICE (NRO B) WTP & QUARTERS) PACKAGE 14 (NORTH REGION OFFICE (NRO C) WTP & QUARTERS) PACKAGE 15 (NORTH REGION OFFICE (NRO D) WTP & QUARTERS) PACKAGE 16 (SOUTH REGION OFFICE (SRO A) WTP & QUARTERS) PACKAGE 17 (SOUTH REGION OFFICE (SRO B) WTP & QUARTERS) PACKAGE 18 (SOUTH REGION OFFICE (SRO C) WTP & QUARTERS) PACKAGE 19 (SOUTH REGION OFFICE (SRO D) WTP & QUARTERS)
20.	PN0000015590	UPGRADING OF OVERHEAD CRANE AT CHERAS BATU 11 WTP AND IMPROVEMENT OF CHEMICAL DOSING SYSTEM AT SUNGAI SERAI WTP
21.	TBA	PROPOSED DISTRIBUTION IMPROVEMENT WORKS FOR LANGAT 2 SYSTEM AND UTILIZATION OF 22ML BUKIT SERDANG RESERVOIR
22.	PN0000015508	SUPPLY AND DELIVERY OF NEW MOTORS FOR CRITICAL PUMP HOUSES IN SELANGOR, KUALA LUMPUR AND PUTRAJAYA
23.	PN0000015563	PROPOSED NEW WATER RETICULATION SYSTEM FOR KAMPUNG ORANG ASLI BUKIT BAJA, SEPANG
24.	TBA	PROVISION OF OPERATION AND MAINTENANCE SERVICES FOR AIR SELANGOR'S RIVER MONITORING STATIONS (RMS) PACKAGE A - I) RMS SERI KELEDANG II) RMS HULU BERNAM III) RMS KG MASJID IV) RMS COUNTRY HOME V) RMS KG RANTAU PANJANG
25.	TBA	PROVISION OF OPERATION AND MAINTENANCE SERVICES FOR AIR SELANGOR'S RIVER MONITORING STATIONS (RMS) PACKAGE B - I) RMS KG SG BUAH HULU II) RMS KG SG BUAH HILIR III) RMS KG LABU LANJUT IV) RMS SG LABU V) RMS SEKSYEN 3 BANGI
26.	TBA	PROVISION OF OPERATION AND MAINTENANCE SERVICES FOR AIR SELANGOR'S RIVER MONITORING STATIONS (RMS) PACKAGE C - I) RMS KG PASIR BARU II) RMS PEKAN SEMENYIH III) RMS KG SG SERAI IV) RMS CHERAS BATU 11 V) RMS SG GOMBAK
27.	TBA	PROPOSED DISTRIBUTION IMPROVEMENT WORKS FOR HULU SELANGOR - ACTIVATION OF 12 MG BATU ARANG RESERVOIR AND WATER DISTRIBUTION SYSTEM

Untuk butiran lanjut mengenai tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> atau menyertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender di atas adalah diwajibkan untuk berdaftar dengan AirSelangor. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.airselangor.com/vendor> dan ikuti panduan yang dipaparkan di laman tersebut. Pendaftaran adalah percuma.





## Turapan jalan capai 86 peratus

**SHAH ALAM** - Pelaksanaan 93 projek baik pulih jalan secara besar-besaran di seluruh negeri yang dimulakan awal Jun lalu mencapai 86 peratus setakat ini.

Eksekutif operasi Infrasel Sdn Bhd (Infrasel) berkata pembaikan jalan bawah Projek Turapan Mega dengan kos RM50 juta dijangka selesai pada September.

Abdullah Hanif Abd Ghalib memaklumkan kebanyakan jalan kritikal dibaiki di kawasan perkampungan Orang Asli, kawasan hulu dan perumahan penduduk.

"Infrasel selaku agensi pelaksana menerima 118 projek baik permukaan jalan. Ia dibuat secara berperingkat melibatkan kerjasama pihak berkuasa tempatan serta pejabat daerah dan tanah," katanya pada 22 Ogos.

## Sertai deklamasi puisi merdeka

**SHAH ALAM** - Bagi menyemarakkan sambutan bulan kemerdekaan tahun ini, orang ramai dipelawa menyertai Sayembara Deklamasi Puisi Kemerdekaan ke-37 peringkat negeri pada 3 September.

Program anjuran Persatuan Penulis & Ke-bajikan Negeri Selangor (Kemudi) di Perpustakaan Raja Tun Uda dari jam 8.30 pagi sehingga 5.00 petang terbuka kepada peserta berusia 18 tahun ke atas.

"Peserta juga akan menggunakan teks puisi daripada buku antologi puisi Ke Sarang Cenderawasih terbitan Gapena 2023," maklum Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) menerusi Facebook.

Orang ramai boleh mendaftar di [docs.google.com/forms/d/1O9vOyUtjSoXofU-JQguuF\\_e7w8fUnVvWPzI9X77sfSXg/](https://docs.google.com/forms/d/1O9vOyUtjSoXofU-JQguuF_e7w8fUnVvWPzI9X77sfSXg/) sebelum 25 Ogos.

## Selangor FC cari jurulatih akar umbi

**SHAH ALAM** - Selangor FC membuka peluang kepada orang ramai yang berminat untuk menjadi jurulatih di peringkat akar umbi untuk program bola sepak di negeri ini.

Mereka yang memiliki pengalaman bersama program elit atau pernah melatih pemain muda diperlukan untuk menjayakan program tersebut.

"Jurulatih yang mempunyai kelayakan yang sah dan diiktiraf serta pernah melatih pasukan di peringkat akar umbi sebelum ini boleh cuba untuk menjadi sebahagian kakitangan Selangor FC," katanya pada 22 Ogos.

Mereka yang berminat boleh menghantar resume ke e-mel [soccerschool@selangorfc.com](mailto:soccerschool@selangorfc.com)



Amirudin (tengah) bersama pemimpin kanan dan kakitangan negeri ketika pelancaran kempen kibar Jalur Gemilang peringkat Selangor dalam Majlis Perhimpunan Penjawat Awam di Shah Alam pada 22 Ogos. Foto REMY ARIFIN

## Capai sasaran empat bulan awal

# Hasil negeri cecah RM2 bilion

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

**SHAH ALAM** - Selangor mencatat kutipan hasil RM2 bilion setakat minggu lalu sekali gus mencapai sasaran tahun ini, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata jumlah diperoleh empat bulan lebih awal itu dijangka meningkat sehingga RM2.5 bilion.

"Sehingga Jumaat lalu (18 Ogos), kita capai sasaran sebagaimana dianggarkan dalam belanjawan negeri. Saya percaya jika ikut trend bulan Ogos dan September ini, kita dapat

lebih baik.

"Kita menganggarkan minimum boleh sehingga RM2.3 bilion ke RM2.4 bilion kalau ikut keadaan sekarang tapi untuk capai RM2.5 bilion tak mustahil. Saya tak mahu terlalu bercita-cita," katanya selepas perhimpunan penjawat awam pada 22 Ogos.

Amirudin berkata pelaburan import dan eksport mengalami anjakan ekonomi susulan peralihan kepada sektor perkhidmatan.

Beliau menjelaskan ekonomi negeri ketika penularan Covid-19 lebih bergantung kepada hab logistik dan pusat agihan malah dua sektor itu turut me-

nyokong negeri menjadi penyumbang ekonomi terbesar.

"Tahun lepas ada anjakan 0.6 dan 0.7 peratus (pembuatan kepada perkhidmatan) dan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) beri pandangan supaya jangan terlalu cepat melompat kepada sektor perkhidmatan.

"Maknanya kita kena perkasakan sektor pembuatan, jadi kita akan perkemaskan dan perhebatkan lagi," katanya.

Ketika membenteng Belanjawan 2023 pada tahun lalu, Dato' Menteri Besar menganggar hasil yang boleh dikutip pada tahun ini adalah RM2 bilion.

## Sidang niaga sasar 50,000 pelawat

**SHAH ALAM** - Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) 2023 akan diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 19 hingga 22 Oktober ini.

Ketua pengarah eksekutif Invest Selangor Berhad (Invest Selangor) berkata program tersebut menyediakan 1,057 reruai termasuk sasaran 20 peratus penyertaan pempamer antarabangsa.

"Setakat ini 72 peratus ruang pameran sudah dibeli syarikat tempatan dan luar negara. Kita yakin semua ruang pameran dapat dijual sepenuhnya sebelum program berlangsung.

"Tahun ini kita jangka 50,000 pengunjung akan datang ke ekspo termasuk pelawat perdagangan dari Asia Tenggara, Asia Timur dan Asia Selatan," kata Dato' Hasan Azhari Idris pada 20 Ogos.

Beliau berkata penganjuran edisi kali ini berskala lebih besar dengan menggunakan lapan dewan ekspo serta dua ruang persidangan sekali gus mengukuhkan usaha negeri untuk menjadi gerbang utama pelaburan.

Selangor memperkenalkan SIBS pada 2016 dan tahun lalu sidang mencatat nilai potensi rundingan berjumlah RM1.45 bilion, jauh lebih tinggi berbanding sasaran RM350 juta.